

PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM  
PENGAJARAN KEMAHIRAN ASAS MEMBACA DI KELAS  
PEMULIHAN KHAS MURID TAHUN TIGA  
DI DAERAH KOTA MARUDU

RUHAIDAH BINTI HAMDAN

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
2011

PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM PENGAJARAN  
KEMAHIRAN ASAS MEMBACA DI KELAS PEMULIHAN KHAS MURID  
TAHUN TIGA DI DAERAH KOTA MARUDU

RUHAIDAH BINTI HAMDAN

TESIS SARJANA YANG DIKEMUKAKAN KEPADA DEKAN  
*AWANG HAD SALLEH GRADUATE SCHOOL OF ARTS AND SCIENCES,*  
*UUM COLLEGE OF ARTS AND SCIENCES,*  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN  
UNTUK IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(KURIKULUM DAN PENGAJARAN)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
2011

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 30 APRIL 2011

Tandatangan:   
Nama: RUHAIDAH BINTI HAMDAN  
No.Matrik: 805229



Bidang Pengajian Pendidikan  
UUM College of Arts and Sciences  
(Universiti Utara Malaysia)

**PERAKUAN PROJEK SARJANA**  
(*Certification of Masters Project*)

Saya yang bertandatangan di bawah, memperakukan bahawa  
(*I, the undersigned, certify that*)

**RUHAIDAH BINTI HAMDAN (NO. MATRIK : 805229)**

Calon untuk Ijazah **Sarjana Pendidikan (Kurikulum & Pendidikan)**  
(*candidate for the degree of*)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk  
(*has presented his/her project paper of the following title*)

**PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM PENGAJARAN**

**KEMAHIRAN ASAS MEMBACA DI KELAS PEMULIHAN KHAS MURID TAHUN**

**TIGA DI DAERAH KOTA MARUDU.**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.  
(*as it appears on the title page and front cover of project paper is acceptable in form and content and that a satisfactory knowledge of the field is covered by the project paper*)

Nama Penyelia : **Prof. Madya Dr. Nurahimah Mohd. Yusoff**  
(*Name of Supervisor*)

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
(*Signature*)

Tarikh : **30 April 2011**  
(*Date*)

## **KEBENARAN MENGGUNA**

Penyerahan tesis ini ialah sebagai keperluan untuk pengijazahan Sarjana Pendidikan daripada Universiti Utara Malaysia. Penulis bersetuju menjadikan tesis ini sebagai bahan rujukan di perpustakaan. Penulis juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan keseluruhan atau sebahagian daripadanya bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada Dekan *Awang Had Salleh Salleh Graduate School of Arts and Sciences*.

Sebarang bentuk penyalinan, penerbitan atau penggunaan secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini bagi tujuan komersial adalah tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada penulis. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia mestilah dinyatakan dalam bentuk rujukan yang terdapat dalam tesis ini. Kebenaran untuk penyelidikan atau lain-lain kegunaan sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya boleh dilakukan dengan menulis kepada:

**Dekan**

***Awang Had Salleh Salleh Graduate School of Arts and Sciences,***

**UUM CAS,**

**Universiti Utara Malaysia**

**06010 UUM, Sintok**

**Kedah Darul Aman**

## PENGHARGAAN

Syukur yang tidak terhingga kepada Allah Yang Maha Esa kerana memberikan saya kesihatan yang cukup, masa dan kematangan fikiran untuk menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Nurahimah Mohd.Yusoff atas bantuan yang begitu besar, bimbingan, teguran dan nasihat yang begitu berguna sepanjang kajian ini. Terima kasih juga saya ucapkan yang tidak terhingga kepada Dr. Arsythamby a/l Veloo dan Dr. Isha Awang kerana kursus yang telah diberikan serba sedikit memudahkan saya untuk menyiapkan kertas projek ini, khususnya yang melibatkan penggunaan statistik dan seterusnya memberikan dorongan dan nasihat kepada semua pelajar dalam program ini. Jutaan terima kasih juga kepada Dr.Laurence John sebagai kordinator program ini yang telah banyak mengorbankan masa dan wang ringgit serta khidmat nasihat yang tidak putus-putus dalam membantu meningkatkan semangat kami untuk menyiapkan kajian ini.

Berbanyak terima kasih juga saya ucapkan kepada semua Guru Besar dan guru-guru Pemulihan Khas dari 31 buah sekolah di Daerah Pitas sebagai kajian rintis saya dan guru Pemulihan Khas dari 33 buah sekolah rendah di daerah Kota Marudu dan Pegawai Pelajaran Gabungan Kota Marudu kerana telah memberikan kerjasama yang padu dalam membenarkan guru-guru mereka digunakan sebagai responden kajian ini. Data yang diperolehi hasil daripada kerjasama mereka semua inilah yang telah membantu saya dalam menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kakitangan Perpustakaan Sultanah Bahiyah, UUM yang begitu dedikasi dalam membantu saya semasa mencari bahan-bahan rujukan yang saya perlukan.

Dalam kesempatan ini juga saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli keluarga saya terutama sekali suami yang tercinta, Mohd.Yunus Ismail serta anak-anak saya Mohd.Bukhari, Mohd. Baharin, Nurul Sakinah, Nurul Syahirah dan Mohd.Burhanuddin yang banyak memberikan dorongan dan kekuatan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini. Begitu juga dengan sokongan moral yang diberikan oleh rakan-rakan seperjuangan saya dalam kursus ini terutama Masbon, Ustz.Hasaidi, Muhammad Noor, Nazifah serta sahabat-sahabat saya seperti guru Pemulihan Khas SK.Talantang. Sokongan dan bantuan mereka banyak memberikan kekuatan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini.

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan antara tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam pengajaran kemahiran asas membaca dengan minat murid di kelas pemulihan khas tahun tiga. Sampel kajian ini melibatkan 33 orang guru pemulihan khas dari sekolah rendah dalam daerah Kota Marudu, Sabah. Borang soal selidik diedarkan dan data dikutip untuk dianalisis. Instrumen soal selidik yang digunapakai dalam kajian ini diubahsuai daripada instrumen yang digunakan oleh Zainuddin Hassan (2007) dan Abdul Malek Samsuri (2007). Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS Versi 18) untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan, min dan analisis korelasi Pearson. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa 56.88% responden kerap menggunakan BBM dalam pengajaran. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara kekerapan penggunaan BBM dengan minat murid pemulihan terhadap pengajaran guru iaitu  $r=0.949$ ,  $p<0.05$ . Hasil daripada dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa BBM amat penting digunakan oleh guru pemulihan khas dalam pengajaran kemahiran asas membaca. Responden bersetuju bahawa pentadbiran sekolah juga haruslah menyokong penggunaan BBM oleh guru di dalam bilik darjah. Beberapa cadangan telah dikemukakan dalam meningkatkan penggunaan BBM dalam kalangan guru pemulihan khas antaranya penganjuran bengkel, kursus dan seminar. Selain itu, peruntukan kewangan untuk menyediakan BBM juga haruslah diutarakan kepada guru dan pentadbir dalam meningkatkan penggunaan BBM dalam kelas pemulihan khas.

## ABSTRACT

The aim of the study was to identify the relationship between the level of teaching aids usage with students' interest in the learning of basic literacy skills in Year 3 special remedial class. The sample of this study involved 33 special remedial teachers from primary schools in Kota Marudu, Sabah. Questionnaires were distributed using an instrument adapted from Zainuddin Hassan (2007) and Abdul Malek Samsuri (2007). Data were analysed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS Version 18) to obtain the frequency, percentages, mean and Pearson Correlation analysis. The result of the study showed that 56.88% of the respondents frequently use teaching aids in their teaching. The result of the study also showed that there was a positive significant relationship between the frequency of use of teaching aids in class and students' interest, which was  $r=0.949$ ,  $p<0.05$ . The findings also indicated that teaching aids are important to be used by special remedial teachers in their teaching of basic literacy skills. Respondents pointed out that the school administrators should also support the use of teaching aids among teachers in class. Several recommendations were provided to enhance the use of teaching aids among teachers such as attending workshops, courses and seminars. Besides, allocation of funds for the preparation of teaching aids should be given to teachers and administrators to enhance the use of teaching aids in the special remedial classes.



## KANDUNGAN

KEBENARAN MENGGUNA	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Hipotesis Kajian	9
1.6 Kerangka Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.8 Batasan Kajian	11
1.9 Definisi Konsep	12
1.10 Kesimpulan	16

<b>BAB II TINJAUAN LITERATUR</b>	17
2.1 Pendahuluan	17
2.2 Kemahiran Asas membaca	17
2.3 Kelas Pemulihan Khas	18
2.4 Bahan Bantu Mengajar	19
2.5 Kajian Berkaitan Tahap Penggunaan BBM	30
2.6 Kajian Mengenai Tahap Minat Murid Terhadap Penggunaan BBM	31
2.7 Kajian Masalah Penggunaan BBM oleh Guru	34
2.8 Hubungan Antara Tahap Penggunaan BBM dengan Minat Murid	36
2.9 Kesimpulan	37
<b>BAB III KAEDAH KAJIAN</b>	38
3.1 Pendahuluan	38
3.2 Reka Bentuk Kajian	39
3.3 Populasi dan Pensampelan	40
3.4 Instrumen Kajian	41
3.5 Kajian Rintis	42
3.6 Prosedur Mengumpul Data	44
3.7 Prosedur Menganalisis Data	45
3.8 Rumusan	48

<b>BAB IV DAPATAN KAJIAN</b>	<b>49</b>
4.1 Pendahuluan	49
4.2 Latar Belakang Demografi Responden	49
4.3 Tahap Penggunaan BBM dalam Pengajaran Kemahiran Asas Membaca	52
4.4 Tahap Minat Murid Terhadap Penggunaan BBM dalam Pengajaran Kemahiran Asas Membaca	57
4.5 Masalah Penggunaan BBM dalam Pengajaran Kemahiran Asas Membaca	61
4.6 Hubungan antara Tahap Penggunaan BBM dengan Minat Murid	64
4.7 Kesimpulan	65
<b>BAB V PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>67</b>
5.1 Pendahuluan	67
5.2 Ringkasan Kajian	67
5.3 Dapatan dan Perbincangan	70
5.4 Kesimpulan Dapatan Kajian	76
5.5 Implikasi Dapatan Kajian	78
5.6 Cadangan Kajian Lanjut	79
5.7 Kesimpulan	80

**RUJUKAN**

81

**LAMPIRAN**

**LAMPIRAN A:** SOAL SELIDIK KAJIAN

**LAMPIRAN B:** SURAT KEBENARAN KEMENTERIAN  
PELAJARAN MALAYSIA

**LAMPIRAN C:** SURAT KEBENARAN JABATAN  
PELAJARAN DAERAH KOTA MARUDU.

**LAMPIRAN D:** OUTPUT STATISTIK UNTUK KAJIAN RINTIS.

**LAMPIRAN E:** OUTPUT STATISTIK UNTUK KAJIAN SEBENAR.

**LAMPIRAN F:** SENARAI KEMAHIRAN ASAS MEMBACA DI KELAS  
PEMULIHAN KHAS

## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Dalam konteks pendidikan di negara kita Malaysia, setiap kanak-kanak berhak mendapat peluang pendidikan yang sama rata untuk semua. Peluang dan hak ini tidak boleh dinafikan. Walau bagaimanapun, para pelajar ini merupakan manusia biasa yang mempunyai pelbagai perbezaan dari segi fizikal, mental, rohani, emosi, minat, bakat, latar belakang sosial dan sebagainya. Justeru, mereka haruslah diberi layanan dan kemudahan pembelajaran yang sesuai dengan kemampuan dan kebolehan mereka. Hasrat ini jelas terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berbunyi:

*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.*

(Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah, 2003)

Pada umumnya, dalam sesuatu situasi pengajaran dan pembelajaran terdapat tiga kumpulan utama, iaitu kumpulan cerdas, kumpulan sederhana dan kumpulan lembam (Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 1997). Kumpulan

cerdas merupakan murid yang cepat menguasai sesuatu kemahiran atau pengetahuan yang disampaikan kepada mereka. Biasanya, mereka tidak mempunyai masalah pembelajaran dan pencapaian mereka adalah tinggi. Kumpulan sederhana merupakan kumpulan pelajar yang kurang bermasalah, dan pencapaian mereka sederhana. Kedua-dua kumpulan ini mempunyai potensi atau keupayaan yang menggalakkan untuk memperluaskan pengetahuan dan pengalaman mereka.

Kumpulan lembam merupakan pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Pelajar-pelajar ini lambat menguasai sesuatu kemahiran yang disampaikan kepada mereka. Oleh itu, tindakan pemulihan perlu diberikan dengan segera bagi mengatasi masalah pembelajaran yang berterusan terutama sekali kemahiran membaca yang merupakan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) yang sangat penting.

Program pemulihan khas merupakan tindakan khusus yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pelajaran untuk membantu pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran tertentu dalam kemahiran asas 3M. Daripada kata pemulihan, kita ketahui bahawa maksudnya ialah satu pengajaran membetulkan sesuatu yang kurang atau membetulkan sesuatu yang tidak betul. Menurut Kamarudin Hj. Husin (1991) pemulihan merupakan satu rancangan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran dalam menguasai sesuatu pengetahuan atau kemahiran. Mat Nor Husin dan Jais Sahok (1990) pula menyatakan bahawa pemulihan merupakan pendidikan yang diberikan

kepada pelajar yang gagal di peringkat bilik darjah kerana tidak menerima isi pelajaran seperti pencapaian rakan sebaya mereka yang tidak bermasalah.

Koh Boh Boon (1982) menyatakan bahawa pengajaran pemulihan kalau diteliti secara lebih mendalam adalah lebih terbatas dan lebih khusus sifatnya kerana pengajaran pemulihan khas bertujuan membaiki kelemahan pembelajaran. Pengajaran pemulihan melibatkan murid-murid lambat, iaitu mereka yang lembam atau lambat mencapai pembelajaran berbanding dengan kanak-kanak lain. Pencapaian pembelajaran murid-murid ini biasanya di bawah tahap pencapaian yang sepatutnya.

Secara keseluruhan, istilah murid-murid pemulihan atau murid-murid lambat membawa erti bahawa murid-murid ini mempunyai pencapaian yang rendah berbanding murid-murid lain yang sama peringkat persekolahan dengan mereka. Pengajaran pemulihan pula boleh diertikan sebagai usaha atau perkhidmatan khas yang dilakukan untuk memenuhi keperluan kanak-kanak yang menghadapi masalah dan kesulitan pembelajaran di sekolah-sekolah (Kamarudin Hj.Husin dan Siti Hajar Hj.Abdul Aziz, 1997).

Pengajaran pemulihan ini merupakan tindakan khusus yang diambil untuk mengatasi keperluan pendidikan pelajar yang mengalami kesusahan dari segi pembelajaran dalam darjah khas di sekolah biasa, di pusat khusus yang dihadiri oleh murid secara sambilan, dalam kumpulan yang diasingkan dari sekolah biasa, dan dalam darjah untuk pengajaran khusus oleh guru pemulihan.

Prinsip memulihkan seawal mungkin untuk mencegahnya daripada bertambah serius perlu dilakukan. Murid-murid pemulihan ini patutlah diberi pengajaran pemulihan yang sesuai supaya jurang perbezaan antara mereka dengan murid-murid lain sekurang-kurangnya dapat dikecilkan, kalau pun tidak dapat dihapuskan sama sekali.

Pemulihan kemahiran asas membaca diberi penekanan oleh Kementerian Pelajaran kerana kemahiran membaca merupakan satu kemahiran bahasa yang penting. Melalui pembacaan seseorang itu boleh menerokai alam ilmu pengetahuan yang tidak dapat ditempuhinya melalui pengalaman-pengalaman biasa yang lain. Pembacaan membawa seseorang itu ke alam imaginasi, di luar daripada situasi kehidupan yang dilaluinya sehari-hari. Pembacaan juga boleh membuka dan memperluaskan pemikiran dan pengetahuan seseorang dalam pelbagai bidang. Di samping itu, kemahiran asas membaca menjadi penggerak kepada kemahiran berkomunikasi dan berfikir secara kritis dan kreatif. Oleh itu, kemahiran ini haruslah ditanamkan sedalam-dalamnya kepada murid-murid sejak awal lagi supaya amalan membaca boleh dipupuk dan disuburkan dengan sebaik-baiknya. Sokongan dari pelbagai pihak untuk menjayakan program pemulihan sama ada dari pihak pentadbir dan dari pelaksana itu sendiri iaitu guru haruslah dimantapkan agar murid dapat dibantu menguasai kemahiran asas membaca.



## 1.2 Pernyataan Masalah

Setelah hampir tiga puluh tahun pelaksanaan Program Pengajaran Pemulihan Khas, Program Pengajaran Pemulihan Khas masih belum berkesan sepenuhnya dalam usaha menangani masalah penguasaan 3M serta memastikan seratus peratus celik huruf dalam sistem pendidikan negara, khususnya kemahiran asas membaca dalam kalangan murid-murid sekolah rendah, malahan masalah ketidakmampuan membaca masih berlaku di sekolah menengah sehingga kini. Jabatan Pendidikan Khas, melaporkan bahawa 10-15% dalam kalangan murid-murid sekolah masih menghadapi masalah kegagalan menguasai 3M khususnya kemahiran asas pembacaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pekelilingnya telah mencadangkan agar semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara melaksanakan program intervensi 3M mulai Januari 1999. Keadaan ini memperlihatkan betapa seriusnya masalah kegagalan menguasai kemahiran asas membaca dalam kalangan murid-murid sekolah rendah di seluruh negara, dan golongan yang dimaksudkan ialah murid-murid pemulihan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1998).

Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), N. Siva Subramaniam menyatakan bilangan pelajar lemah membaca adalah terlalu ramai iaitu menjangkau jumlah lebih daripada 500,000 orang pelajar yang kebanyakannya terdiri dari pada pelajar tahun enam. Jumlah ini mewakili 25% daripada 2 juta pelajar sekolah rendah di seluruh negara. Di samping itu, kajian ke atas 70 buah sekolah menengah mendapati bahawa daripada 73,858 pelajar yang telah dianalisis, 3,690

(2.66 %) daripadanya tidak boleh membaca. Kajian ke atas 143 buah sekolah rendah pula, mendapati daripada seramai 75,699 murid yang telah dianalisis, 3,690 (4.87 %) tidak boleh membaca. Oleh itu, beliau menyarankan agar program pendidikan pemulihan di sekolah diperhebatkan dengan mempelbagaikan pendekatan agar masalah ini dapat ditangani secara berkesan (Utusan Malaysia, 2006).

Kementerian Pelajaran Malaysia berasa bimbang di atas masalah murid dari sekolah rendah belajar ke sekolah menengah yang belum lagi dapat menguasai kemahiran asas bacaan. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini. Di antara projek yang dijalankan sekarang ialah Kelas Intensif Awal Membaca dan Menulis ( KIA2M ) yang dikhas bagi murid-murid tahun satu dan Program Pemulihan 3M Sekolah Rendah (PROTIM) bagi murid-murid tahun enam dan Program Pemulihan 3M Sekolah Menengah (PROBIM) di sekolah menengah yang masih lagi belum dapat menguasai kemahiran asas membaca. Oleh itu, kerajaan telah penempatan guru terbaik untuk mengajar murid tahun satu, selain menambah guru pemulihan pada nisbah seorang guru pemulihan khas bagi 15 murid berbanding seorang guru pemulihan khas untuk sebuah sekolah sekarang.

Dalam melaksanakan pemulihan ini bahan bantu mengajar (BBM) sama ada media elektronik atau bukan elektronik merupakan bahan sokongan yang sangat penting untuk meningkatkan kefahaman, minat dan motivasi murid dalam menguasai kemahiran asas membaca. Selain itu, BBM juga dapat menjelaskan isi pelajaran yang ingin disampaikan oleh guru kepada murid-murid. Dale (1969) menyatakan bahawa

pengajaran lebih berkesan apabila dibantu dengan media kerana membolehkan pengalaman dalam ingatan. Penglibatan melalui pengalaman merupakan cara yang paling berkesan dalam pembelajaran. Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik akan mengkaji dengan lebih mendalam tentang penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca di kelas pemulihan khas. Penggunaan BBM ini termasuklah dari segi kekerapan, tahap minat murid dan masalah yang dihadapi oleh guru semasa proses pengajaran. Di samping itu, pengkaji juga ingin melihat perkaitan antara tahap penggunaan BBM oleh guru dengan minat murid dalam pengajaran kemahiran asas membaca di kelas pemulihan khas.

### **1.3 Objektif Kajian**

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk meninjau tentang penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh guru pemulihan khas murid tahun tiga dalam pengajaran kemahiran asas membaca di daerah Kota Marudu. Seterusnya, kajian ini akan melihat hubungan antara tahap penggunaan BBM oleh guru pemulihan khas dengan minat murid kelas pemulihan tahun tiga di daerah Kota Marudu. Oleh itu, kajian ini dibuat berdasarkan kepada empat objektif utama iaitu:

1. Mengetahui tahap penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca di kelas pemulihan khas murid tahun tiga di daerah Kota Marudu.
2. Mengetahui tahap minat murid terhadap penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca di kelas pemulihan khas murid tahun tiga di daerah Kota Marudu.

3. Mengenal pasti masalah penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca di kelas pemulihan khas murid tahun tiga di daerah Kota Marudu.
4. Mengenal pasti hubungan antara tahap penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca dengan minat pelajar di kelas pemulihan khas murid tahun tiga di daerah Kota Marudu.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berasaskan kepada objektif kajian iaitu mengenal pasti apakah tahap penggunaan, tahap minat murid dan tahap masalah penggunaan BBM serta mengenal pasti hubungan antara tahap penggunaan BBM dengan minat murid dalam pengajaran kemahiran asas membaca di kelas pemulihan khas. Kajian ini akan mengkaji secara lebih mendalam objektif kajian tersebut berasaskan kepada persoalan kajian berikut:

1. Apakah tahap penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca di kelas pemulihan khas murid tahun tiga di daerah Kota Marudu?
2. Apakah tahap minat murid terhadap penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca di kelas pemulihan khas murid tahun tiga di daerah Kota Marudu?
3. Apakah masalah penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca di kelas pemulihan khas murid tahun tiga di daerah Kota Marudu?
4. Adakah wujud hubungan antara tahap penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca dengan minat pelajar di kelas pemulihan khas murid tahun tiga di daerah Kota Marudu?

## 1.5 Hipotesis Kajian

Bagi menjawab soalan kajian tentang hubungan antara penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas bacaan di kelas pemulihan khas dalam kalangan murid tahun tiga di daerah Kota Marudu, berikut adalah hipotesis kajian yang digunakan untuk menjawab persoalan kajian tersebut.


Persoalan kajian 4:

H<sub>0</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan BBM dengan minat murid pemulihan khas tahun tiga dalam pengajaran asas kemahiran membaca.

## 1.6 Kerangka Kajian

Rajah 1.1

*Kerangka Kajian*



## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini begitu bermakna dan penting terutama sekali kepada guru-guru yang mengajar murid-murid pemulihan khas yang bermasalah dalam penguasaan asas 3M terutama kemahiran asas membaca. Kajian ini menyelidik tahap penggunaan pelbagai jenis BBM oleh guru-guru pemulihan khas dalam pengajaran kemahiran asas membaca. Melalui kajian ini juga guru-guru pemulihan khas dapat melihat tahap minat murid semasa penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca. Selain itu, gambaran yang jelas tentang tahap masalah penggunaan BBM yang dihadapi oleh guru-guru pemulihan khas. Akhir sekali, guru-guru pemulihan khas turut dapat meninjau hubungan tahap penggunaan BBM dengan minat murid dalam kelas pemulihan khas.

Kajian ini sangat penting kerana ia memberi kesedaran kepada para guru terutama sekali guru yang terlibat dengan pengajaran murid pemulihan khas bahawa penggunaan BBM yang sesuai dapat memudahkan pengajaran guru. Ini seterusnya dapat memberi rangsangan, motivasi dan meningkatkan minat untuk murid-murid pemulihan khas menguasai kemahiran asas membaca. Ini secara langsung akan meningkatkan pencapaian akademik dalam kalangan murid-murid pemulihan.

Kajian ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pihak sekolah serta pentadbir tentang masalah yang dihadapi oleh guru pemulihan dalam menyediakan BBM. Pihak sekolah harus turut berasa bertanggungjawab di atas masalah yang dihadapi oleh guru pemulihan untuk membina dan menyediakan BBM. Beban untuk

mengajar mereka harus ditanggung bersama oleh pihak sekolah dan bukan diserahkan bulat-bulat kepada guru pemulihan khas sahaja.

Akhir sekali, agar Jabatan Pelajaran Negeri Sabah mengambil kira tentang perlunya diadakan kursus, bengkel dan latihan dalaman secara intensif untuk guru-guru pemulihan khas bagi menyediakan kemahiran dan pengetahuan dalam menyedia, mengendalikan serta menggunakan Bahan Bantu Mengajar dalam setiap aktiviti pembacaan dalam kelas pemulihan.

### **1.8 Batasan Kajian**

Menurut Mohd Najib (1999), penyelidik tidak mampu untuk mengkaji semua aspek yang berkaitan dengan masalah kajian. Keputusan kajian yang dilakukan mungkin tidak dapat mencakupi semua aspek yang boleh memberi penyelesaian kepada masalah yang berkaitan. Oleh itu, kajian ini hanya melibatkan guru-guru pemulihan khas yang mengajar kelas pemulihan untuk tahun tiga sahaja dan tidak melibatkan guru-guru lain. Di samping itu, kajian ini juga hanya memberi tumpuan kepada penggunaan BBM dalam kelas pemulihan sahaja dan tidak melibatkan kelas-kelas biasa. Tumpuan yang lebih juga diberikan kepada kemahiran asas membaca sahaja dan tidak memberi perhatian dalam kemahiran-kemahiran asas lain seperti kemahiran menulis dan kemahiran mengira. Selain itu, kajian ini hanya memberi tumpuan kepada guru-guru kelas pemulihan di 33 buah sekolah dalam daerah Kota Marudu sahaja dan tidak melibatkan guru-guru kelas pemulihan di daerah-daerah lain.

Faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan membaca murid seperti keadaan fizikal, pengalaman dan persekitaran yang pelbagai, lokasi sekolah, bangsa, latar belakang sosio ekonomi dan pengalaman guru yang mengajar dan latihan yang diterima tidak diambil kira. Penyelidik juga tidak membuat pemerhatian sepanjang tempoh kajian secara langsung setiap kali murid-murid diajar kemahiran-kemahiran asas bacaan dalam kelas pemulihan. Kemungkinan dapatan kajian ini hanya boleh dilakukan inferens melalui inventori, sampel dan lokasi kajian ini sahaja.

## **1.9 Definisi Konsep**

Beberapa istilah yang digunakan dalam penulisan ini memerlukan definisi yang terperinci. Definisi ini perlu kerana pengertian umum dengan pengertian dalam kajian ini mungkin berbeza. Istilah-istilah tersebut adalah seperti berikut:

### **1.9.1 Kemahiran Asas Membaca**

Menurut Atan Long (1982), membaca melibatkan kebolehan mengenal lambang-lambang itu semula kepada bunyi bahasa dan memahami makna atau tanggapan yang disampaikan oleh tulisan itu. Untuk membaca, seseorang itu bukan sahaja boleh mengenal dan menyebut lambang-lambang bertulis tetapi juga dia mesti mempunyai satu tanggapan bagi memudahkan pemahamannya. Kemahiran membaca ini juga merupakan keupayaan murid-murid mengenal huruf-huruf, menyebut nama dan bunyi huruf. Ini termasuklah keupayaan menyebut perkataan-perkataan yang dibentuk melalui jalinan huruf-huruf dengan betul dan dapat digunakan dalam pertuturan. Ini secara tidak langsungnya membolehkan murid-murid membina kebiasaan menutur



ayat-ayat yang gramatis seperti yang terdapat dalam bahan bacaan yang dibaca oleh mereka.

Kemahiran asas membaca yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah kemahiran-kemahiran asas yang perlu diajar oleh guru pemulihan khas kepada murid-murid pemulihan khas mengikut keperluan murid tersebut berdasarkan keputusan dan analisis Ujian Diagnostik yang dijalankan oleh murid. Ini termasuklah keupayaan murid-murid mengenal huruf-huruf, menyebut nama dan bunyi huruf serta keupayaan menyebut perkataan-perkataan yang dibentuk melalui jalinan huruf-huruf dengan betul dan dapat digunakan dalam pertuturan.

### **1.9.2 Kelas Pemulihan Khas**

Menurut Kamarudin Hj. Husin (1991), kelas pemulihan khas merupakan satu rancangan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran dalam menguasai sesuatu pengetahuan atau kemahiran. Dalam usaha membantu murid-murid ini, semua strategi yang melibatkan kaedah-kaedah tertentu, pemilihan bahan-bahan yang sesuai, dan perancangan, aktiviti-aktiviti alternatif yang berkesan, yang bersesuaian dengan masalah yang dihadapi hendaklah difikirkan dengan cermat dan digunakan secara berkesan. Mat Nor Husin dan Jais Sahok (1990) pula menyatakan bahawa kelas pemulihan merupakan pendidikan yang diberikan kepada pelajar yang gagal di peringkat bilik darjah kerana tidak menerima isi pelajaran seperti pencapaian rakan sebaya mereka yang tidak bermasalah. Oleh itu, dalam kajian ini, kelas pemulihan khas

merupakan satu daripada program pendidikan yang disediakan untuk murid yang mengalami masalah dalam penguasaan kemahiran 3M yang kompleks disebabkan oleh faktor persekitaran. Program ini dijalankan oleh guru yang khusus dan di ruang yang khusus.

### **1.9.3 Bahan Bantu Mengajar (BBM)**

Atan Long (1981) membahagikan BBM kepada tiga kumpulan iaitu bahan-bahan pendengaran, bahan-bahan pandangan dan bahan-bahan pandang-dengar. Noraziah Abdul Hamid (1981) pula menggolongkan bahan-bahan itu kepada dua kumpulan: media elektronik dan media bukan elektronik. Manakala Hanapiah Sudin (1979) dan Khairiah Ahmad (1980) pula mengelaskannya kepada dua iaitu bahan-bahan yang disebut *software* dan bahan-bahan *hardware*.

Kamarudin Hj. Husin (1991) seterusnya menyatakan bahawa BBM terdiri daripada pelbagai bahan. Sesuatu bahan boleh disampaikan dengan berbagai-bagai cara. Umpamanya, sesuatu bahan itu mungkin diterbitkan dalam bentuk buku, di dalam bentuk carta atau dibubuh pada slaid dan dipancarkan pada skrin. Oleh itu, dalam kajian ini BBM merupakan bahan-bahan yang digunakan untuk membantu penyampaian pengajaran kepada murid dalam kelas pemulihan.

#### **1.9.3.1 Tahap Penggunaan**

Menurut Ngui Kuen Sang (1981), bahan bantu mengajar tidak dapat diberi takrif tetap walaupun pada keseluruhannya ramai pendidik menyetujui bahawa penggunaan BBM

dalam situasi pengajaran-pembelajaran adalah pengalaman yang melibatkan penggunaan penglihatan atau pandangan seseorang. Oleh itu, tahap penggunaan dalam kajian ini merujuk kepada kekerapan penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca di kelas pemulihan khas.

### **1.9.3.2 Minat Pelajar**

Minat adalah kecenderungan yang tetap untuk memberi perhatian mengenai sesuatu perkara. Perkara yang dimiliki seseorang diperhatikan terus menerus yang disertai dengan rasa minat yang mendalam. Menurut Winkel (1960), minat adalah kecenderungan yang menetap dalam subjek untuk merasa tertarik kepada bidang atau hal tertentu dan merasa senang berkecimpung dalam bidang itu. Manakala, Slameto (1995) mengemukakan bahawa minat adalah kecenderungan yang tetap untuk memperhatikan dan mengenang beberapa kegiatan, kegiatan yang diminati seseorang, diperhatikan terus yang disertai dengan rasa sayang. Dalam kajian ini, minat murid merujuk kepada kecenderungan yang tetap untuk memberi perhatian dalam pengajaran kemahiran asas membaca oleh murid kelas pemulihan khas.

### **1.9.3.3 Tahap Masalah**

Menurut Charlie Anak Ungang (2008) dalam kajiannya di sebuah daerah di negeri Sarawak mendapati bahawa 60% guru pemulihan khas mempunyai masalah menyediakan BBM dalam pengajaran mereka. Ini disebabkan oleh kekurangan BBM di sekolah. Menurut Koh Boh Boon (1987) ini memberi tekanan dan masalah kepada guru pemulihan untuk melaksanakan tugas mereka secara berkesan. Oleh itu, dalam

kajian ini tahap masalah yang dikaji adalah berkaitan dengan penyediaan BBM oleh guru-guru pemulihan khas.

### **1.10 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya bab ini menghuraikan tentang pengenalan kepada topik kajian iaitu penggunaan BBM dalam penguasaan kemahiran asas membaca oleh guru-guru kelas pemulihan khas tahun tiga di daerah Kota Marudu. Tahap penggunaan, minat murid dan tahap masalah oleh guru-guru berkaitan dengan BBM dikaji oleh penyelidik dalam kajian ini. Selain daripada itu, pernyataan masalah, soalan kajian, objektif kajian dan kerangka kajian turut diterangkan dalam bab ini secara terperinci bagi membolehkan matlamat kajian dapat dicapai dengan baik. Di samping itu, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasi bagi kajian yang dilaksanakan juga dihuraikan bagi memperincikan sebab mengapa kajian ini harus dibuat. Ini termasuklah batasan-batasan kajian yang dihadapi dalam proses melaksanakan kajian.

## **BAB II**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Dalam bab ini, pengkaji membuat tinjauan kajian-kajian lepas berkenaan dengan penggunaan Bahan Bantu Mengajar jenis media elektronik dan bukan elektronik yang mungkin dapat menarik perhatian murid-murid pemulihan khas untuk menguasai kemahiran asas bacaan. Pengkaji juga akan menghuraikan hubungan antara penggunaan Bahan Bantu Mengajar dengan penguasaan asas membaca dalam kalangan murid-murid pemulihan khas Tahun Tiga. Dalam bab ini juga pengkaji meninjau akan kekerapan guru-guru pemulihan khas menggunakan bahan bantu mengajar dalam pengajaran kemahiran asas membaca dan adakah guru-guru pemulihan khas menghadapi masalah dalam penyediaan bahan bantu mengajar.

#### **2.2 Kemahiran Asas Membaca**

Menurut Atan Long (1982), membaca melibatkan kebolehan mengenal lambang-lambang itu semula kepada bunyi bahasa dan memahami makna atau tanggapan yang disampaikan oleh tulisan itu. Untuk membaca seseorang itu bukan sahaja boleh mengenal dan menyebut lambang-lambang bertulis tetapi juga dia mesti mempunyai satu tanggapan bagi memudahkan pemahamannya. Kemahiran membaca ini juga merupakan keupayaan murid-murid mengenal huruf-huruf, menyebut nama dan bunyi huruf. Ini termasuklah keupayaan menyebut perkataan-perkataan yang dibentuk

melalui jalinan huruf-huruf dengan betul dan dapat digunakan dalam pertuturan. Ini secara tidak langsungnya membolehkan murid-murid membina kebiasaan menutur ayat-ayat yang gramatis seperti yang terdapat dalam bahan bacaan yang dibaca oleh mereka.

Kemahiran asas membaca yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah kemahiran-kemahiran asas yang perlu diajar oleh guru pemulihan khas kepada murid-murid pemulihan khas mengikut keperluan murid tersebut berdasarkan keputusan dan analisis Ujian Diagnostik yang dijalankan oleh murid. Ini termasuklah keupayaan murid-murid mengenal huruf-huruf, menyebut nama dan bunyi huruf serta keupayaan menyebut perkataan-perkataan yang dibentuk melalui jalinan huruf-huruf dengan betul dan dapat digunakan dalam pertuturan. Terdapat 33 set kemahiran asas dalam pengajaran di kelas pemulihan khas ( lihat lampiran).

### **2.3 Kelas Pemulihan Khas**

Menurut Kamarudin Hj. Husin (1991), kelas pemulihan khas merupakan satu rancangan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran dalam menguasai sesuatu pengetahuan atau kemahiran. Dalam usaha membantu murid-murid ini, semua strategi yang melibatkan kaedah-kaedah tertentu, pemilihan bahan-bahan yang sesuai, dan perancangan, aktiviti-aktiviti alternatif yang berkesan, yang bersesuaian dengan masalah yang dihadapi hendaklah difikirkan dengan cermat dan digunakan secara berkesan. Mat Nor Husin dan Jais Sahok (1990) pula menyatakan bahawa kelas

pemulihan merupakan pendidikan yang diberikan kepada pelajar yang gagal di peringkat bilik darjah kerana tidak menerima isi pelajaran seperti pencapaian rakan sebaya mereka yang tidak bermasalah. Oleh itu, dalam kajian ini, kelas pemulihan khas merupakan satu program pendidikan yang disediakan untuk murid yang mengalami masalah dalam penguasaan kemahiran 3M yang kompleks disebabkan oleh faktor persekitaran. Program ini dijalankan oleh guru yang khusus dan di ruang yang khusus.

#### **2.4 Bahan Bantu Mengajar**

Menurut Atan Long (1981), BBM terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu bahan-bahan pendengaran, bahan-bahan pandangan dan bahan-bahan pandang-dengar. Noraziah Abdul Hamid (1981) pula menggolongkan bahan-bahan itu kepada dua kumpulan iaitu media elektronik dan media bukan elektronik. Manakala Hanapiah Sudin (1979) dan Khairiah Ahmad (1980), mengelaskan BBM kepada dua iaitu bahan-bahan yang disebut *software* dan bahan-bahan *hardware*.

Kamarudin Hj. Husin (1991) seterusnya menyatakan bahawa BBM terdiri daripada pelbagai bahan. Sesuatu bahan boleh disampaikan dengan pelbagai cara. Umpamanya, sesuatu bahan itu mungkin diterbitkan dalam bentuk buku, di dalam bentuk carta atau dibubuh pada slaid dan dipancarkan pada skrin. Oleh itu, dalam kajian ini BBM merupakan bahan-bahan yang digunakan untuk membantu penyampaian pengajaran kepada murid-murid dalam kelas pemulihan.

### **2.4.1 Media Elektronik**

Pengajaran di kelas pemulihan khas tidak terkecuali daripada pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Walaupun pengajaran asas membaca hanya melibatkan penguasaan kemahiran bahasa yang dianggap mudah untuk dikuasai, namun masih terdapat beberapa isu yang dianggap boleh mengganggu keberkesanan pengajaran di kelas pemulihan. Masalah tersebut termasuklah minat dan penumpuan yang rendah dalam kalangan murid-murid pemulihan khas dalam penguasaan kemahiran asas membaca. Guru pemulihan khas perlu bijak untuk menggunakan BBM yang dapat menarik minat murid-murid dalam pengajarannya. Masalah menguasai kemahiran asas membaca masih lagi berlaku dalam kalangan murid-murid Tahun Tiga.

Penggunaan komputer kini bukan hanya sekadar memproses data atau mengumpul maklumat, tetapi juga berfungsi sebagai media yang dapat membentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Sebagai contoh, terdapat permainan bahasa yang telah diprogram untuk kemahiran beberapa aspek bahasa. Dengan itu, guru boleh menggunakan komputer sebagai bahan sampingan dalam mengayak lagi penguasaan berbahasa dalam kalangan murid-murid.

Oleh yang demikian, penggunaan komputer dalam pengajaran di kelas pemulihan khas pula dilihat sebagai satu usaha yang sesuai untuk memberikan impak terhadap permasalahan yang dihadapi. Sebagai bahan bantu pengajaran yang terkini sifatnya, penggunaan komputer dilihat sebagai usaha yang mampu mengubah persepsi



murid-murid pemulihan khas terhadap penguasaan asas membaca. Pada masa kini terdapat banyak perisian-perisian pembelajaran di pasaran yang berbentuk CD dan DVD sesuai digunakan oleh guru pemulihan khas untuk mengajar kemahiran asas membaca murid-murid pemulihan khas boleh menggunakan bahan tersebut dengan bantuan guru, malahan boleh diteruskan lagi penggunaan CD pembelajaran ini kepada murid-murid yang memiliki komputer di rumah.

## **2.4.2 Media Bukan Elektronik**

### **2.4.2.1 Gambar**

Sebaik-baiknya guru dikehendaki menunjukkan benda-benda sebenarnya sebagai bahan bantu mengajar kepada murid-murid pemulihan. Namun, tidak semua benda atau keadaan ini dapat dilakukan demikian. Ada benda-benda yang terlalu besar atau terlalu jauh untuk dibawa masuk ke dalam kelas. Kadang-kadang ada juga beberapa sebab lain yang tidak memungkinkan perkara ini dilakukan sedemikian.

Sebagai gantinya, guru boleh menggunakan gambar-gambar bagi membolehkan murid-murid menguasai konsep-konsep yang hendak disampaikan. Sebagai contoh, mengajar murid membaca perkataan. Gambar-gambar ini dapat digunakan sebagai pedoman kepada murid-murid pemulihan untuk membaca atau menyebut perkataan yang betul berdasarkan gambar yang ditunjukkan. Ketika membuat pemilihan gambar-gambar, guru perlulah memberi perhatian kepada ketepatan, kesesuaian, warna yang menarik terang, jelas dan bersih.

#### **2.4.2.2 Kad Imbasan**

Kad imbasan telah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran sejak beberapa lama dahulu. Dalam pengajaran kelas pemulihan kad-kad imbasan memang sangatlah penting. Kad-kad imbasan dalam kelas pemulihan khas bertujuan untuk merangsang pancaindera murid-murid untuk mengingat dan memahami kemahiran-kemahiran asas bacaan. Kad-kad imbasan yang perlu ada dalam pengajaran asas bacaan di kelas pemulihan hendaklah terdiri daripada Kad-kad Abjad abc (Huruf kecil dan Huruf Besar), Kad-kad Suku kata Terbuka dan Tertutup, kad abjad kata-kata atau rangkai kata yang diwarnakan sukukata yang berlainan warna untuk memberi penekanan kepada sebutan yang betul. Kad-kad imbasan ini juga berguna terutama untuk memperkenalkan perkataan-perkataan baru kepada murid-murid. Kad-kad ini juga boleh melatih murid-murid belajar sendiri dan mengingat perkataan-perkataan itu. Kad imbasan sukukata boleh digunakan untuk bermain sambil belajar, iaitu murid-murid mencantumkan kad-kad sukukata menjadi perkataan yang bermakna. Dalam penyediaan kad-kad imbasan ini perkara yang mesti diingat bahawa kad-kad yang direkabentuk dengan baik dapat memberi bantuan yang baik dalam mengajar kemahiran asas bacaan. Penggunaan kad-kad kaedah ini bersesuaian dengan strategi pengajaran berdasarkan kecerdasan pelbagai, murid-murid yang cenderung kepada pembelajaran melalui visual akan mudah memahami pengajaran dengan menggunakan kad-kad imbasan.

### **2.4.2.3 Carta-carta**

Carta-carta juga boleh dipakai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di kelas pemulihan khas. Carta-carta dalam pengajaran di kelas pemulihan biasanya terdiri daripada abjad-abjad, sukukata, perkataan mudah dengan gambar, boleh digunakan semasa pengajaran pembelajaran atau sebagai pengukuhan setelah guru mengajar semua kemahiran. Dengan adanya carta-carta ini, minat seluruh kelas dapat ditumpukan kepada rangsangan yang sama. Carta boleh digunakan berulang-ulang kali dengan tidak memerlukan elektrik, bilik gelap atau alat yang khusus.

Menurut Lado (terjemahan Abdullah Hassan, 1978) ada dua jenis carta yang amat berguna. Pertama carta menghafaz abjad dan yang kedua carta latihan pola. Abjad itu bolehlah dijelaskan dengan gambar dalam carta dinding. Murid menghafaz abjad tersebut dengan mengingat butir penting dalam gambar tersebut. Sebagai contoh, A (ayam), B (bakul) C (cawan) dan sebagainya maka pengingatan terhadap rentetan abjad dan gambar itu dapat membantu ingatan murid-murid.

### **2.4.2.4 Carta untuk latihan pola**

Carta latihan pola pula lain daripada carta menghafaz. Carta latihan pola memberi gantian dalam sesuatu struktur pola supaya pola tersebut boleh dilatih dengan beberapa unsur. Carta ini boleh dipakai untuk bermacam jenis perkataan. Guru, menunjukkan gambar pertama dan berkata “Ini keretapi” kelas mengikut, “Ini keretapi”. Guru menunjukkan gambar kedua dan berkata “Ini kapal”. Kelas mengikutnya “Ini kapal”, seterusnya, guru akan menunjukkan perkataan limau dan

begitulah dibuat sehingga habis. Carta yang sama juga boleh digunakan untuk melatih pola soalan. Misalnya, 'Inikah keretapi? Ya, ini keretapi. Soalan dan jawapan salah boleh dilatih dengan menunjukkan kepada gambar yang salah. Misalnya, 'Inikah keretapi?' atau 'Ini keretapikah?' Jawabannya: “Bukan, ini bukan keretapi”. “Ini kapal”. Daripada carta ini kemudian boleh diteruskan kepada latihan-latihan pola yang lebih kompleks lagi (Lado-*Terjemahan Abdullah Hassan*, 1978).

#### **2.4.2.5 Buku Teks**

Sejak pendidikan formal dijalankan di sekolah-sekolah, buku-buku yang khusus untuk menyampaikan pengetahuan-pengetahuan tertentu telah disediakan oleh beberapa orang penulis dan pengarang. Buku-buku ini dinamakan ‘buku teks’. Buku-buku ini telah digunakan dengan amat meluas sebagai bahan bantu mengajar. Buku teks seharusnya digunakan seberapa yang boleh kerana ia merupakan sumber utama untuk mendapatkan bukan sahaja bahan-bahan pengajaran tertentu serta juga latihan-latihannya, malah idea-idea yang terdapat di dalamnya dapat guru perembangkan dengan menggunakan bahan-bahan tambahan. Di samping itu, menurut pandangan Khairiah Ahmad (1980), guru dan murid boleh memperolehi sejenis kepuasan atau keyakinan kerana telah menjalankan atau mengikuti kemahiran Bahasa Malaysia mengikut sesuatu kuasa yang tertentu.

Sungguhpun begitu, buku-buku teks yang disediakan itu tidaklah serba lengkap dan dapat memenuhi semua keperluan sesuatu mata pelajaran itu. Tidaklah kadang-kadang latihan-latihan yang diberi di dalamnya sesuai untuk murid-murid kita

waktu itu, maka kerana itu, kenalah guru-guru mengubahsuai mana-mana yang perlu. Guru tidak sepatutnya bergantung sepenuhnya kepada buku teks sahaja. Guru harus mendedahkan kepada murid-murid mereka lebih daripada itu atau yang lebih sesuai daripada itu. Ini bermakna guru itu sendiri terpaksa berusaha menambah pengalaman sendiri dan menggunakan inisiatif serta kreativiti yang ada pada mereka.

Untuk memberikan peluang kepada murid-murid dan guru memperluaskan bidang kajian dan pembelajaran, sama ada sebagai tambahan daripada buku teks ataupun mempelajari sendiri sesuatu perkara yang mereka minati, maka adalah sangat perlu bagi sesebuah sekolah itu mempunyai perpustakaan yang lengkap. Dengan adanya kemudahan ini, murid-murid dapat memperluaskan pengetahuan mereka sebagai tambahan kepada apa yang terdapat di dalam buku-buku teks itu.

Dalam konteks pengajaran pembelajaran dalam kelas pemulihan khas, menjadi satu kesukaran kepada guru-guru pemulihan khas untuk menyampaikan kemahiran kerana pada masa ini belum terdapat buku teks khas untuk kegunaan pengajaran pemulihan khas. Walau bagaimanapun memang terdapat banyak buku-buku yang ditulis oleh penulis-penulis tertentu yang dicadangkan untuk digunakan dalam pengajaran pemulihan khas. Antara buku yang sering digunakan untuk mengajar kemahiran membaca, seperti 'Bacalah Sayang', 'Bacaan Jauhari', 'Anakku Pandai Membaca', 'Bacalah Anakku', 'Bijak Membaca', 'Buku Besar' dan sebagainya. Dalam hal ini, terpulanglah kepada kebijaksanaan guru-guru pemulihan khas untuk memilih buku yang difikirkan berkesan untuk mengajar murid-murid pemulihan khas mengikut

keperluan dan kelemahan yang dikenalpasti melalui Ujian Diagnostik.

### **2.4.3 Prinsip-Prinsip Penggunaan Bahan Bantu Mengajar**

#### **2.4.3.1 Pelbagai Bahan Bantu Mengajar**

Dalam membincangkan kepelbagaian bahan bantu mengajar, kita sebenarnya membincangkan kepelbagaian kegiatan. Berbalik kepada Dale (1969) dan *cone of experianceny*, beliau telah mengesyorkan pelbagai kegiatan atau pengalaman yang sesuai untuk membenarkan murid-murid belajar, mengikut peringkat-peringkat tertentu daripada pengalaman langsung kepada pengalaman yang abstrak. Prinsip umumnya, pembelajaran paling berkesan ialah yang berdasarkan pengalaman langsung, kemudian pengalaman rekaan dan pengalaman dramatized, diikuti pula dengan demonstrasi dan pameran, seterusnya dengan gambar-gambar dan rakaman-rakaman. Lepas itu pembelajaran boleh dicapai melalui filem-filem. Dengan ini, tahap yang paling tinggi pembelajaran berlaku dengan menggunakan lambang bahasa.

Dalam konteks pengajaran di kelas pemulihan khas, amat signifikan dengan kepelbagaian bahan bantu mengajar. Hal ini demikian kerana daerah kelemahan yang dikenal pasti dalam kalangan murid-murid pemulihan ini adalah pelbagai. Guru pemulihan khas mestilah bijak menggunakan atau menggabungkan antara jenis Bahan Bantu Mengajar dengan jenis Bahan Bantu Mengajar yang lain dalam satu sesi pengajaran. Untuk memastikan penggunaan Bahan Bantu Mengajar berkesan, guru pemulihan khas tidak hanya bergantung kepada satu bahan sahaja. Sebagai contoh seseorang guru yang mengajar kemahiran membaca boleh menggunakan kad-kad

abjad dan seterusnya untuk mengukuhkan lagi ingatan murid, guru boleh menggunakan bahan berbantuan komputer, iaitu CD pembelajaran kemahiran asas membaca. Sebagai contoh Program EBUDI (Eja, Baca, Ulang dan Ingat) yang telah dibangunkan oleh Guru Pemulihan Khas SK. Kangkar Pulai 2, Kulai, Johor.

#### **2.4.3.2 Mutu Bahan Bantu Mengajar**

Mutu Bahan Mengajar bergantung kepada pembinaan dan pemilihannya sebagai bahan pengajaran dalam konteks pengajaran kelas pemulihan khas. bahan bantu mengajar harus dipilih sesuai dengan kemahiran yang hendak kita ajarkan dan secocok pula dengan murid-murid yang terlibat. Pembinaannya perlu dibuat berdasar lunas-lunas pembinaannya seperti kejelasan bunyi (sebutan kesesuaian intonasi dan nada dalam rakaman), keharmonian warna (gambar), kesesuaian saiz dan bentuk huruf (carta keteguhannya dan sebagainya. bahan ini juga harus mudah dibuat, diperbuat daripada bahan-bahan yang murah atau boleh didapati di pasaran atau kedai-kedai buku atau secara percuma daripada secara percuma daripada setengah-setengah jabatan kerajaan, agensi kerajaan, pejabat pos, daripada pihak swasta dan sebagainya (Kamarudin Husin, 1986).

#### **2.4.3.3 Kecekapan Menggunakan Bahan Mengajar**

Kecekapan seorang guru dalam menggunakan Bahan Bantu Mengajar sama pentingnya dengan mutu alat itu. Penyalahgunaan Bahan Bantu Mengajar bukan sahaja menyebabkan pengajaran menjadi tidak berkesan, tetapi kadangkala boleh merosakkan pengajaran itu seluruhnya. Sebagai contoh sekiranya seseorang guru

menggunakan Pembelajaran berbantu komputer (PBK), guru tersebut mestilah ada kecekapan menggunakan komputer dan LCD.

Kederasan menggunakan Bahan Bantu Mengajar, adalah merupakan salah satu daripada ciri kecekapan menggunakannya. Guru tidak seharusnya mengalami sebarang kesulitan apabila tiba masa untuk menggunakannya. Sebaik-baiknya, semua bahan yang hendak digunakan telah tersedia dengan baik sebelum ia digunakan. Guru-guru harus pastikan bahan-bahan itu boleh beroperasi dan menepati fungsinya. Semasa menggunakan buku-buku kemahiran asas bacaan pula, guru harus menggunakan buku-buku yang bersesuaian dengan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh murid-murid pemulihan khas. Penggunaan buku-buku asas membaca yang cekap dan terancang akan menghasilkan pembelajaran yang lebih berkesan.

#### **2.4.3.4 Kesesuaian Bahan Bantu Mengajar**

Murid-murid pemulihan khas merupakan murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran. Murid-murid ini lambat menguasai sesuatu kemahiran. Oleh itu, Bahan Bantu Mengajar yang digunakan itu seharusnya dapat menarik minat murid-murid tersebut untuk menguasai kemahiran membaca. Sekiranya tidak, usaha menyediakannya adalah sia-sia sahaja.



#### **2.4.4 Kepentingan pemilihan BBM dalam kelas pemulihan khas**

Menurut Kamaruddin Haji Husin (1988), untuk memenuhi hasrat membantu murid-murid pemulihan khas menguasai asas membaca ciri-ciri bahan yang patut diberi perhatian dalam pengajaran pemulihan khas adalah seperti berikut:

##### **2.4.4.1 Aspek Pendengaran**

- (a) Sebutan penutur hendaklah terang dengan kadar yang berpatutan supaya murid dapat mendengar dengan jelas dan boleh mengikutinya.
- (b) Tidak ada gangguan lain kecuali sebutan bunyi yang hendak dipelajari itu.

##### **2.4.4.2 Aspek Penglihatan**

- (a) Bahan yang digunakan hendaklah terang, jelas dan menarik.
- (b) Warnakan perkara yang bermasalah. Perbezaan warna huruf atau suku kata dalam perkataan adalah mustahak.
- (c) Gunakan benda maujud untuk memberi fahaman atau menerangkan konsep.

##### **2.4.4.3 Aspek Psikomotor**

- (a) Adakan benda-benda maujud yang boleh disentuh, dipegang dan dipermainkan.
- (b) Perkara-perkara yang diajar hendaklah timbul sama ada huruf atau lambang yang boleh dikesan dengan sentuhan atau tekanan.
- (c) Huruf atau lambang bagi bahan murid hendaklah sederhana besar.
- (d) Penggunaan pensil warna atau krayon perlu bagi aktiviti-aktiviti menulis. Pada keseluruhannya, sumber bahan adalah terdiri daripada sumber alam sekitar murid

dan bahan sebenar.

Berdasarkan penyelidikan yang telah dibuat oleh pakar-pakar alat pandang dengar, konsep kefahaman dan pengetahuan yang yang diperolehi oleh manusia, 75% adalah diperolehi melalui deria pandang, 13% daripada deria dengar, 6% deria sentuh, 3% daripada deria rasa, 3% daripada deria bau.

## **2.5 Kajian Berkaitan Tahap Penggunaan BBM**

Menurut Zainuddin (2007), yang mengkaji tentang tahap penggunaan BBM dalam kalangan guru pelatih UTM, mendapati bahawa tahap penggunaan BBM dalam kalangan guru pelatih adalah berada pada tahap yang tinggi ( $M=3.70$ ). Hasil dapatan kajian beliau pula telah disokong oleh hasil dapatan kajian yang telah dibuat oleh Abdul Malik Samsuri (2007). Hasil dapatan kajian beliau tentang penggunaan perisian multimedia dalam pengajaran sejarah adalah berada pada tahap yang tinggi ( $M=4.28$ ).

Kajian mengenai tahap penggunaan BBM telah dilakukan oleh Mohd.Aris Othman et al. (2004). Kajian beliau melibatkan 70 orang guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI). Dapatan kajian beliau pula mendapati bahawa tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam kalangan guru pada tahap sederhana sahaja. Manakala Yahya Othman dan Roselan Baki (2008), yang menjalankan satu kajian tentang penggunaan BBM dalam pengajaran Bahasa Malaysia (BM) di sekitar daerah Hulu Langat, Selangor iaitu tentang penggunaan komputer dalam pengajaran BM atau pengajaran berbantuan komputer. Dapatan kajian mereka menunjukkan tahap penggunaan BBM iaitu komputer dalam pengajaran BM berada pada tahap

rendah. Chin Han Wei (2007), turut menjalankan kajian mengenai tahap penggunaan BBM ke atas dua orang guru pelatih, dapatan kajian beliau menunjukkan penggunaan BBM dalam kalangan guru pelatih adalah berada pada tahap tinggi atau amat kerap. Keadaan ini menunjukkan bahawa guru-guru kerap menggunakan BBM ketika menjalani latihan praktikum, tetapi penggunaan BBM akan berkurangan setelah menjadi guru terlatih. Justeru, penyelidik membuat tinjauan sama ada guru-guru kerap menggunakan BBM atau tidak terutamanya dalam pengajaran asas membaca dalam kalangan guru-guru pemulihan khas.

## **2.6 Kajian Mengenai Tahap Minat Murid Terhadap Penggunaan BBM**

Hasil kajian-kajian lepas menunjukkan penggunaan BBM dalam pengajaran menunjukkan kesan yang positif terhadap minat, pencapaian dan sikap murid-murid terhadap pengajaran guru serta peningkatan penguasaan dalam kemahiran asas bacaan terutama dalam kelas pemulihan khas. Menurut Abdul Malik Samsuri (2007), dalam kajian beliau mengenai penggunaan perisian multimedia dalam pengajaran sejarah mendapati bahawa semakin kerap guru menggunakan perisian multimedia dalam pengajaran, tahap minat murid terhadap pengajaran semakin tinggi ( $M=4.29$ ). Antara BBM yang menarik minat murid pada tahap yang tinggi ialah penggunaan video ( $M=4.46$ ), penggunaan gambar berwarna ( $M=4.26$ ) dan penggunaan carta ( $M=4.51$ ).

Hasil dapatan beliau disokong pula oleh Zainuddin Hassan (2007). Beliau mendapati bahawa semakin tinggi kekerapan penggunaan BBM dalam pengajaran minat murid terhadap pengajaran semakin meningkat ( $M=3.88$ ). Dapatan kajian tersebut selaras

pula oleh dapatan kajian oleh Charlie Anak Ungang (2006). Dalam kajiann beliau mengenai penggunaan BBM dalam kelas pemulihan khas mendapati bahawa penggunaan BBM sama ada elektronik ataupun bahan bukan elektronik menunjukkan keberkesanan dalam pengajaran pemulihan khas. Dapatan beliau membuktikan penggunaan BBM dalam kelas pemulihan khas memang dapat menarik minat murid terhadap pengajaran guru dalam bilik darjah, serta dapat meningkatkan penguasaan murid-murid dalam kemahiran asas membaca. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa sebanyak 60% guru pemulihan khas yang menjadi sampel kajian bersetuju, dan 20% amat bersetuju bahawa penggunaan BBM dalam kemahiran asas bacaan membolehkan pengajaran guru lebih selesa dan menggalakkan. Ini bermakna secara peratusnya sebanyak 80% responden telah menyatakan bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Dapatan kajian beliau juga menunjukkan seramai 80% responden bersetuju dan 20% amat bersetuju bahawa menggunakan BBM, murid dapat menerima dengan jelas pengajaran guru. Ini menunjukkan bahawa kesemua responden itu 100% bersetuju bahawa penggunaan BBM amat berkesan dalam pengajaran kemahiran asas membaca dalam kalangan murid pemulihan. Purata min ( $M=4.20$ ) responden bersetuju bahawa penggunaan BBM menunjukkan minat yang tinggi terhadap pengajaran guru.

Kajian mengenai penggunaan penggunaan BBM dalam pengajaran asas bacaan di kelas pemulihan khas turut dijalankan oleh Aspalaila Ramli dan Maslina Mahmud (2006). Kajian mereka menggunakan kad-kad sukukata, kad perkataan, kad perkataan gabungan pelbagai sukukata, dan carta dalam pengajaran bacaan. Dapatan kajian mereka menunjukkan murid-murid amat menyukai aktiviti tersebut dalam pengajaran tersebut. Ujian pra dan ujian pos dijalankan. Berdasarkan dapatan kajian mereka, menunjukkan bahawa hasil penggunaan pelbagai BBM telah dapat meningkatkan penguasaan bacaan dalam kalangan murid pemulihan. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan keputusan ujian pra dan ujian pos. Dapatan kajian mereka menunjukkan semua murid gagal dalam ujian pra manakala dapatan daripada ujian pos pula, menunjukkan peningkatan iaitu semua murid lulus dalam aspek kemahiran yang diuji.

Menurut Mahzan Arshad (2008), BBM perlu dipelbagaikan dengan kaedah dan teknik mengajar agar pengajaran dijalankan dengan berkesan, menarik perhatian, menjimatkan masa dan tenaga serta menghasilkan pembelajaran yang lebih menarik dan menyeronokkan. Penggunaannya secara berkesan dan berterusan sememangnya mendatangkan faedah kepada guru dan murid pendidikan pemulihan. Menurut beliau seseorang guru yang proaktif ialah guru yang sentiasa berusaha mempertingkatkan prestasi murid-muridnya mempelajari sesuatu kemahiran bacaan dengan berkesan dengan menitikberatkan penggunaan BBM sebagai landasan utama bagi mencapai hasrat untuk membolehkan murid-murid mampu menguasai kemahiran asas bacaan.

Seterusnya kajian yang dibuat oleh Yahya Othman dan Roselan Baki (2008). Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan BBM iaitu pengajaran berbantuan komputer dapat menambahkan minat murid terhadap pengajaran guru. Namun begitu, dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa pembinaan dan penggunaan bahan pembelajaran perlu lebih menekankan aspek multimedia dan interaktif bagi memberikan kesan yang lebih kepada pelajar ( $M=3.00$ ). Murid-murid juga berminat jika menggunakan bahan internet dalam pengajaran ( $M=3.19$ ). Dapatan kajian tersebut sudah tentulah mampu diaplikasikan dalam pengajaran kemahiran asas bacaan kepada murid-murid pemulihan khas.

## **2.7 Tahap Masalah Penggunaan BBM Oleh Guru**

Menurut Zainuddin Hassan (2007), tahap masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam penggunaan BBM tidak membimbangkan. Dapatan kajian beliau menunjukkan 75.0% daripada guru tidak terbeban dengan penggunaan BBM sama ada bentuk elektronik ataupun bukan elektronik. Hal ini kerana guru-guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk mengendalikan pengajaran dengan menggunakan BBM. 92.5% responden menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai masalah dalam penggunaan BBM yang sesuai dalam pengajaran.

Sebaliknya dapatan kajian oleh Charlie Anak Ungang (2006), menunjukkan bahawa guru-guru pemulihan khas menghadapi masalah dalam penyediaan BBM. Hasil kajian beliau mendapati bahawa 60% daripada responden menyatakan bahawa kelengkapan BBM di sekolah tidak lengkap. Nilai ( $M= 4.4$ ) iaitu satu nilai yang

dianggap tinggi, menggambarkan bahawa pendapat responden yang menyatakan kelengkapan BBM di sekolah adalah amat terhad.

Dalam kajian Robiah Kulup Ahmad (1988) ke atas tugas-tugas guru pemulihan khas di dua buah sekolah di Selangor mendapati tiga masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru yang mengajar kelas-kelas pemulihan khas. Masalah dan isu pertama ialah untuk mendapatkan sebuah bilik yang sesuai bagi kelas pemulihan khas. Keduanya, kesukaran untuk mendapat bantuan kewangan atau dana untuk membeli dan membina bahan-bahan pembelajaran, Ketiganya, tidak mendapat sokongan moral daripada Guru Besar dan rakan-rakan guru yang lain. Masalah seterusnya ialah beban tugas yang berat kerana selain daripada mengajar di kelas pemulihan khas, guru terpaksa melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan pentadbiran, kurikulum dan juga aktiviti ko-kurikulum.

Mahat Ibrahim (1988) telah menjalankan kajian yang memperkatakan masalah yang dihadapi oleh guru-guru tentang penggunaan BBM. Hasil dapatan kajian beliau menunjukkan guru-guru menghadapi masalah penggunaan BBM iaitu media dalam pengajaran. Di antara masalah yang dihadapi oleh guru semasa menggunakan media dalam pengajaran ialah mereka tidak mahir. Hal ini demikian kerana mereka tidak mendapat latihan asas yang mencukupi dan beban tugas juga merupakan satu masalah yang mereka hadapi dalam menggunakan media.

Dapatan kajian oleh Yahya Othman dan Roselan Baki (2008) turut menyokong dapatan kajian tersebut bahawa guru-guru menghadapi masalah dalam penyediaan BBM terutamanya penggunaan komputer dalam pengajaran. Beliau mendapati bahawa terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh guru dalam menggunakan komputer dalam pengajaran di mana masih terdapat guru yang tidak mahir dalam mengendalikan pembelajaran berbantuan komputer disebabkan kurang latihan ( $M=3.62$ ). Guru juga menghadapi masalah dalam pengajaran berbantuan komputer kerana banyak masa perlu diberikan dalam menyediakan bahan ( $M=3.98$ ). Pelajar juga kurang berminat ( $\text{min } 3.26$ ) menggunakan komputer dalam pengajaran. Komputer yang digunakan di sekolah sering rosak dan ketinggalan dari segi kapasiti dan teknologi ( $M=2.82$ ).

Di samping itu, terdapat kekangan dari segi sistem selenggaraan komputer yang tidak cekap di sekolah ( $M=2.72$ ). Masalah bilik komputer juga sering mengganggu kelancaran penggunaan komputer dalam pengajaran. Terdapat guru BM yang tidak dapat menggunakan bilik komputer kerana sering digunakan oleh kumpulan pelajar lain ( $M=2.86$ ).

## **2.8 Hubungan Antara Tahap Penggunaan BBM dengan Minat Murid**

Menurut kajian oleh Abdul Malik Samsuri (2007), penggunaan perisian multimedia dalam pengajaran sejarah mendapati bahawa semakin kerap guru menggunakan perisian multimedia dalam pengajaran, tahap minat murid terhadap pengajaran semakin tinggi ( $M=4.29$ ). Antara BBM yang menarik minat murid pada tahap yang



tinggi ialah penggunaan video ( $M=4.46$ ), penggunaan gambar berwarna ( $M=4.26$ ) dan penggunaan carta ( $M=4.51$ ). Dapatan beliau disokong pula oleh dapatan oleh Zainuddin Hassan (2007). Menurut Zainuddin Hassan, semakin kerap guru menggunakan BBM dalam pengajaran semakin tinggi minat murid terhadap pengajaran. Min keseluruhan bagi instrumen minat dalam hasil kajian beliau ialah  $M=3.85$ . Hasil dapatan kajian beliau disokong pula oleh hasil kajian oleh Norma Hassan (2004). Beliau juga bersetuju bahawa terdapat perkaitan hubungan antara penggunaan BBM dengan minat murid dalam proses pengajaran pembelajaran Matemaik. Secara keseluruhannya, didapati skor min yang diperolehi bagi setiap item dalam instrumen yang digunakan adalah tinggi ( $M=3.01$  hingga  $M=4.00$ ). Ini menunjukkan bahawa kekerapan guru menggunakan BBM semasa pengajaran mempengaruhi minat murid terhadap pengajaran tersebut.

## **2.9 Kesimpulan**

Dalam bab ini, pelbagai dapatan kajian lepas oleh para pengkaji telah dibincang dan dikupas isu atau persoalan kajian yang berkaitan dengan tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar, meninjau tahap minat murid terhadap penggunaan Bahan Bantu Mengajar. Pengkaji juga meninjau kajian-kajian lepas mengenai tahap masalah yang mungkin dihadapi oleh guru-guru dalam penyediaan Bahan Bantu mengajar setiap kali pengajaran. Seterusnya meninjau kajian-kajian lepas sama ada wujud hubungan antara tahap penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca dengan minat pelajar di kelas pemulihan.

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam pengajaran kemahiran asas membaca di kelas pemulihan khas murid tahun tiga di daerah Kota Marudu. Kajian ini mengenal pasti tahap minat murid terhadap penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca di kelas pemulihan khas tahun tiga di daerah Kota Marudu. Kajian ini juga akan mengenal pasti masalah atau kekangan yang dihadapi oleh guru pemulihan khas dalam penyediaan Bahan Bantu Mengajar. Akhir sekali, mengenal pasti hubungan antara tahap penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca dengan minat pelajar di kelas pemulihan khas.

Metodologi merupakan satu perkara yang penting dalam menjalankan sesuatu penyelidikan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan keesahan yang tinggi. Ia menggambarkan bentuk rangka kerja yang dijalankan supaya persoalan kajian dapat dijawab. Menurut Mohd Majid Konting (2000) metodologi merupakan kaedah yang penting untuk memperolehi maklumat seterusnya mendapatkan keputusan dalam sesuatu kajian. Justeru itu, dalam bab ini penyelidik membincangkan tentang kaedah bagaimana kajian dijalankan untuk mendapatkan data-data yang lengkap mengenai isu yang dikaji. Oleh itu pendekatan cara persampelan dan analisis data merupakan

perkara penting sebelum sesuatu keputusan dibuat. Aspek utama yang dibentang dalam bab ini adalah reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, kajian rintis, prosedur pengumpulan data dan prosedur analisis data.

### **3.2 Reka bentuk Kajian**

Rekabentuk kajian ialah perancangan yang menentukan cara penyelidikan dilakukan untuk menemukan jawapan kepada permasalahan penyelidikan yang telah ditetapkan (Sulaiman, 2002). Ini dapat membantu penyelidik dalam menuju ke arah mendapatkan maklumat dan tujuan kajian itu dijalankan.

Reka bentuk tinjauan deskriptif (*descriptive survey*) akan dipilih dengan menggunakan kaedah soal-selidik di dalam proses kajian ini. Kaedah tinjauan deskriptif digunakan dalam kajian ini kerana ia mengkaji sikap responden terhadap tajuk persoalan yang dikemukakan. Selain daripada itu, pengkaji mempunyai responden yang agak ramai iaitu 33 orang guru pemulihan di setiap sekolah di daerah Kota Marudu. Ini mengambil masa yang panjang jika penyelidik ingin menggunakan misalnya kaedah temubual. Tambahan pula, kaedah soal-selidik boleh merahsiakan identiti responden.

Mohd. Majid Konting (1990) menjelaskan bahawa kajian deskriptif adalah bentuk penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan fenomena yang sedang berlaku. Kajian deskriptif tidak bermatlamat untuk menguji kebenaran sesuatu hipotesis. Kajian deskriptif bertujuan menerangkan secara sistematik sesuatu keadaan

atau bidang kajian dengan tepat, berpandukan fakta sebenar. Beliau juga berpendapat kaedah tinjauan adalah satu cara untuk mengumpul data termasuk data yang merangkumi pandangan dan sikap. Maklumat yang diperolehi akan digunakan untuk menyatakan keadaan sebenar sesuatu perkara yang berkaitan dengan sesuatu komuniti dalam konteksnya yang tersendiri. Maklumat yang didapati akan digunakan bagi menjawab persoalan-persoalan yang dinyatakan pada awal sesuatu kajian. Salah satu daripada kebaikan kaedah tinjauan ialah ia dapat meliputi sampel yang besar.

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan mengumpul maklumat data daripada soal selidik serta mencari taburan kekerapan dan peratusan min. Kajian ini dilaksanakan di 33 buah sekolah rendah iaitu sekolah kebangsaan dalam daerah Kota Marudu. Lokasi ini dipilih kerana sampel guru-guru pemulihan khas yang dikehendaki memenuhi kriteria dan ciri-ciri yang diperlukan untuk kajian ini dengan bilangan sekolah kebangsaan yang agak kecil berbanding daerah lain. Jumlah responden ialah seramai 33 orang guru pemulihan khas iaitu mengikut bilangan sekolah.

### **3.3 Populasi dan Pensampelan**

Populasi kajian adalah terdiri daripada 33 orang guru pemulihan khas dari 33 buah sekolah rendah di daerah Kota Marudu. Populasi kajian adalah 33 orang iaitu dari 33 buah sekolah rendah yang mempunyai kelas pemulihan khas di Daerah Kota Marudu. Pengkaji akan menggunakan menggunakan kesemua populasi sebagai sampel kajian.

Pengajaran membaca melibatkan Kelas Tahun Tiga dipilih sebagai kajian kerana murid-murid ini telah mengikuti kelas pemulihan khas selama setahun di Tahun Dua. Tahun ini merupakan tahun terakhir mereka ini berada di kelas pemulihan khas. Justeru, pengkaji ingin mengenal pasti tahap penggunaan BBM dalam pengajaran asas membaca, mengenal pasti tahap minat murid dan hubungan antara tahap kekerapan penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca dengan minat murid. Akhirnya mengenal pasti kemahiran asas membaca dan masalah yang mungkin dihadapi oleh guru-guru pemulihan khas dalam penyediaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca.

### **3.4 Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan ialah Soal Selidik mengenai Penggunaan Bahan Bantu Mengajar. Inventori Penggunaan Bahan Bantu Mengajar telah dibina oleh Zainuddin Hassan et al. (2007), Abdul Malek Samsuri (2007), dan telah diubah suai bagi memenuhi kehendak kajian ini.

Instrumen kajian ini mempunyai dua bahagian. Bahagian A soal selidik latar belakang responden terdiri daripada 7 item, iaitu jantina, kursus, akademik, umur, pengkhususan, pengalaman mengajar di kelas pemulihan khas dan tempoh perkhidmatan dalam pendidikan. Soal Selidik Bahagian B pula terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian B, C, dan D. Bahagian B mengandungi 14 item untuk mengukur tahap penggunaan BBM dalam kemahiran asas membaca. Bahagian C pula mengandungi 15 item untuk mengukur tahap minat murid terhadap penggunaan BBM.

Manakala Bahagian D pula mengandungi 14 item juga untuk mengukur tahap masalah penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca di kelas pemulihan khas. Skala yang digunakan ialah Skala Pemeringkatan Likert. Penggunaan Skala Likert membolehkan pengumpulan data tentang darjah persetujuan responden terhadap setiap item yang digunakan. Responden dikehendaki memilih dan membulatkan pada nombor peringkat likert yang mengandungi 5 nilai skor. Skala dan skor adalah seperti dalam jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1 Skala Pemeringkatan Likert

Aras Persetujuan	Skor
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Tidak Pasti (TP)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

### 3.5 Kajian Rintis

Bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan kajian rintis perlu dijalankan sebelum kajian sebenar. Untuk tujuan kajian ini, pengkaji akan memilih 30 orang responden yang merupakan guru pemulihan khas dalam Daerah Pitas dan pemilihan sampel adalah secara rawak. Pengkaji telah membuat kajian rintis sebelum kajian sebenar dijalankan. Ini bertujuan untuk memastikan item-item dalam soal selidik yang dikemukakan tepat dan dapat difahami oleh responden. Selain daripada itu, pengkaji

juga dapat mengetahui jangka masa yang diperlukan untuk menjawab semua item yang dikemukakan. Ulasan berkaitan soal selidik dari responden yang terlibat dalam kajian rintis ini juga turut diambilkira oleh pengkaji untuk memperbaiki item-item dalam soal selidik tersebut. Seramai 30 orang guru pemulihan yang mengajar tahun tiga dari daerah Pitas dipilih dalam kajian rintis ini. Guru pemulihan dari daerah Pitas ini dipilih dalam kajian rintis kerana tidak terlibat dalam kajian sebenar.

Ujian kebolehpercayaan Cronbach Alpha telah dilakukan ke atas dapatan kajian rintis untuk mengukur kebolehpercayaan dan kesahan item soal selidik. Hasil analisis Cronbach Alpha yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa item tahap penggunaan BBM mempunyai nilai alpha .98. Sementara, tahap minat murid mempunyai nilai alpha .99. Tahap masalah yang dihadapi oleh guru pula mempunyai nilai alpha .98. Nilai Cronbach Alpha bagi keseluruhan item adalah .99. Nilai kebolehpercayaan alpha yang tinggi melebihi .70 adalah tekal menurut Nunnally dan Bernstein (1994). Oleh itu, Soal selidik ini adalah sesuai untuk digunakan bagi melihat tahap penggunaan BBM, minat pelajar dan tahap masalah penggunaan BBM oleh guru. Jadual 3.2 menunjukkan keputusan analisis kebolehpercayaan Cronbach Alpha untuk tahap penggunaan, minat murid dan tahap masalah.

Jadual 3.2

*Analisis Cronbach Alpha Soal Selidik BBM*

Skala	Item	<i>Corrected Item-Total Correlation</i>								$\alpha$
1. Tahap Penggunaan	14	.54	.77	.92	.77	.88	.95	.93	.98	
		.95	.95	.91	.87	.91	.93	.94		
2. Tahap Minat Murid	15	.94	.92	.90	.93	.93	.94	.84	.99	
		.90	.94	.93	.92	.93	.93	.80		
		.83								
3. Tahap Masalah	14	.94	.96	.79	.76	.93	.97	.91	.98	
		.91	.90	.86	.96	.87	.92			
Bahan Bantu Mengajar (BBM)	43								.99	

**3.6 Prosedur Mengumpul Data**

Sebelum kajian dijalankan, pengkaji telah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada pihak Jabatan Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan Malaysia (EPRD). Selepas mendapat kelulusan, pengkaji juga telah mendapatkan kebenaran menjalankan kajian daripada pihak Guru Besar sekolah-sekolah yang terlibat. Pengkaji telah menyerahkan sendiri borang soal selidik bagi sekolah yang berhampiran manakala sekolah yang agak jauh pengkaji akan mengeposkan borang soal selidik di peti pos sekolah yang berkenaan yang terdapat di Pejabat Pelajaran Daerah atas nama Guru Besar bersama-sama dengan surat iringan. Pengkaji telah melantik pembantu yang terdiri daripada wakil-wakil guru pemulihan (yang dikenali oleh penyelidik) sekolah-sekolah yang terlibat. Sebelum alat kajian ditadbirkan di sekolah masing-masing, pengkaji telah memberi penerangan mengenai kajian yang ingin dijalankan. Semua subjek kajian telah diberitahu yang penglibatan mereka dalam kajian ini adalah secara



sukarela dan tinjauan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan tidak akan memberi apa-apa kesan ke atas kerjaya mereka. Identiti semua subjek juga telah dirahsiakan.

Alat kajian telah ditadbirkan oleh wakil-wakil yang dilantik di sekolah masing-masing, Wakil-wakil telah diberitahu supaya alat kajian kepada semua subjek yang terlibat serentak dan diberikan secukup masa untuk menjawab. Alat kajian telah dikumpulkan semula dan dimasukkan ke dalam peti pos sekolah pengkaji yang terdapat di Pejabat Pelajaran Daerah, Kota Marudu, manakala bagi sekolah yang berdekatan, pengkaji telah mengumpulkan soal selidik itu sendiri.

### **3.7 Prosedur Menganalisis Data**

Data yang akan dikumpulkan melalui prosedur yang dinyatakan telah dianalisis dengan menggunakan prosedur statistik deskriptif yang sesuai. Pengkaji telah menggunakan pakej SPSS versi 18.0 untuk menganalisis data yang dikumpulkan. Dua jenis statistik digunakan dalam kajian ini iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi.

#### **3.7.1 Analisis Deskriptif**

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menghurai secara menyeluruh tentang profil responden kajian. Analisis deskriptif merupakan satu langkah mengukur dan menerangkan data-data berbentuk kuantitatif Wiersma (1995 ). Maklumat dan data dalam bentuk skor mentah yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis dengan

menggunakan statistik deksriptif dan diterjemahkan dalam bentuk data yang lebih mudah diterangkan. Statistik yang digunakan adalah kekerapan (frekuensi), min dan peratusan. Skor min digunakan untuk menganalisis kekerapan dan masalah guru-guru pemulihan khas dalam penggunaan Bahan Bantu Mengajar.

### 3.7.2 Interpretasi skor Min

Bagi menjawab persoalan kajian tentang menganalisis kekerapan dan masalah guru-guru pemulihan khas dalam penggunaan Bahan Bantu Mengajar, interpretasi skor min dalam Jadual 3.3 digunakan.

JADUAL 3.3 Interpretasi Skor Min Bagi Tahap Aspirasi Pendidikan

Skor Min	Interpretasi
1.0 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

Sumber : Jamil Ahmad. ( 1993 ). Tinjauan tentang kekangan dalam perlaksanaan dalam Sains KBSM di sekolah-sekolah menengah di negeri Kedah, Darul Aman. Tesis Sarjana Pendidikan ,Universiti Kebangsaan Malaysia.

### 3.7.3 Analisis Inferensi

Analisis statistik inferensi digunakan untuk mengenal pasti hubungan dan perbezaan yang wujud di antara dua jenis pembolehubah-pembolehubah yang dikaji iaitu pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Statistik inferensi yang akan digunakan dalam kajian ini ialah pekali Korelasi Spearman.

#### a. Pekali Korelasi Spearman

Indeks keteguhan iaitu pekali korelasi Spearman digunakan untuk melihat dan menentukan sejauh mana keteguhan hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar Mohd. Majid Konting ( 1993 ). Pekali Korelasi Spearman digunakan untuk mengukur hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah yang diukur dengan skala ukuran ordinal membolehkan arah hubungan dinyatakan di samping keteguhan hubungan antara kesemua pembolehubah yang terlibat ( Mohd. Majid Konting 1993, Mohd. Salleh Abu & Zaidatun Tasir, 2001 ). Jadual 3.2 menunjukkan anggaran kekuatan hubungan yang digunakan untuk mengesan hubungan antara latar belakang sosial, sikap terhadap pendidikan dan daya saing dengan aspirasi pendidikan pelajar ponteng di sekolah menengah.

JADUAL 3.2 Anggaran kekuatan perhubungan antara dua pembolehubah

Pekali Korelasi	Kekuatan Hubungan
0.0 - 0.20	boleh diabaikan
0.20 - 0.40	rendah
0.40 - 0.60	sederhana
0.60 - 0.80	tinggi
0.80 - 1.00	sangat tinggi

Sumber : Alias Baba ( 1999 )

### 3.8 Rumusan

Secara keseluruhannya bab ini telah membincangkan tentang reka bentuk kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, kajian rintis, prosedur pengumpulan data, dan prosedur analisis data bagi kajian ini.

Seterusnya pengumpulan data akan dilakukan melalui maklum balas ke atas borang soal selidik yang diedarkan. Data akan diproses dengan komputer menggunakan perisian SPSS versi 18.0 Dua jenis statistik iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Statistik inferensi menggunakan pekali Korelasi Pearson, untuk menguji hipotesis kajian.

## **BAB IV**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Dalam bahagian ini, keputusan hasil kajian yang telah diperoleh dibincangkan berdasarkan kepada dapatan melalui borang soal selidik yang telah diberikan kepada sampel kajian. Dapatan yang dibincangkan adalah berpandukan kepada objektif dan persoalan kajian yang telah ditentukan. Perkara yang dibincangkan dalam bab adalah latar belakang demografi responden, tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar, tahap minat pelajar dan tahap masalah yang dihadapi dalam pengajaran kemahiran asas membaca di kelas pemulihan khas. Di samping itu, bab ini juga akan membincangkan hubungan antara tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar dengan minat pelajar dalam aktiviti pengajaran asas membaca di kelas pemulihan khas.

#### **4.2 Latar Belakang Demografi Responden**

Kajian ini telah dijalankan terhadap 33 orang guru yang mengajar kemahiran asas membaca di kelas pemulihan khas. Profil demografi responden kajian adalah berdasarkan Jadual 4.1

Jadual 4.1

*Profil Demografi Responden Kajian*

	Pemboleh Ubah	Frekuensi	Peratusan
Jantina	Lelaki	11	33.3%
	Perempuan	22	66.7%
Kursus	Guru opsyen pemulihan khas	10	30.3%
	Bukan guru opsyen	23	69.7%
Mengikuti Kursus Penyediaan BBM	Pernah	12	36.4%
	Tidak Pernah	21	63.6%
Mempunyai kemahiran dalam pembinaan BBM untuk kelas pemulihan khas	Ya	6	18.2%
	Tidak	27	81.8%
Tahap latihan ikhtisas	Diploma Pendidikan Malaysia (DPM)	21	63.6%
	Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI)	5	15.2%
	Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI)	4	12.1%
	Sarjana Muda Pendidikan (B. Ed)	3	9.1%

Pemboleh Ubah		Frekuensi	Peratusan
Pengalaman mengajar	3 hingga 6 tahun	18	54.5%
Di kelas pemulihan khas			
	7 hingga 10 tahun	2	6.1%
	11 hingga 14 tahun	11	33.3%
	lebih dari 15 tahun	2	6.1%

Berdasarkan hasil analisis demografi responden seperti dalam jadual 4.1 di atas, penyelidik mendapati bahawa 33.3% daripada responden terdiri daripada guru lelaki sementara selebihnya, iaitu 66.7% adalah guru perempuan. Seterusnya, 30.3% daripada responden adalah guru opsyen pemulihan khas dan selebihnya iaitu 69.7% adalah bukan guru opsyen pemulihan khas. Manakala, 36.4% daripada responden pernah mengikuti kursus penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas pemulihan khas dan 63.6% tidak pernah mengikuti kursus penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas pemulihan khas. 18.2% responden pula mempunyai kemahiran dalam pembinaan Bahan Bantu Mengajar untuk kelas pemulihan khas, manakala sebilangan besar responden iaitu 81.8% tidak mempunyai kemahiran dalam pembinaan Bahan Bantu Mengajar untuk kelas pemulihan khas.

Dari segi kelulusan ikhtisas pula, didapati bahawa 63.6% responden mempunyai kelulusan Diploma Pendidikan Malaysia (DPM), 15.2% memiliki kelulusan Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI), 12.1% berkelulusan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dan 9.1% mempunyai kelulusan ikhtisas Sarjana

Muda Pendidikan (B.Ed). Manakala dari segi pengalaman mengajar di kelas pemulihan khas pula, 54.5% responden mempunyai pengalaman 3 hingga 6 tahun dan 6.1% mempunyai pengalaman 7 hingga 10 tahun, 33.3% mempunyai pengalaman 11 hingga 14 tahun dan hanya 6.1% yang telah berkhidmat lebih dari 15 tahun.

#### **4.3 Tahap Penggunaan BBM dalam Pengajaran Kemahiran Asas Membaca di**

##### **Kelas Pemulihan Khas**

Hasil analisis terhadap soal selidik tentang kekerapan Bahan Bantu Mengajar digunakan oleh guru dalam pengajaran kemahiran bacaan dalam kelas pemulihan khas Tahun tiga menunjukkan bahawa secara purata 42.63% responden menyatakan kerap menggunakan Bahan Bantu Mengajar, 14.25% menyatakan amat kerap, 23.58% menyatakan kadang kala, 14.71% menyatakan tidak pernah dan 3.03% menyatakan tidak pernah menggunakan Bahan Bantu Mengajar. Oleh yang demikian, boleh dibuat kesimpulan bahawa 56.88% responden menggunakan Bahan Bantu Mengajar dalam kadar yang kerap atau amat kerap.

Di samping itu, hasil analisis Min kekerapan Bahan Bantu Mengajar digunakan oleh guru dalam pengajaran bacaan dalam kelas pemulihan khas Tahun tiga menunjukkan nilai min purata  $M=3.40$  iaitu pada tahap kekerapan kadang kala dan kerap. Ini bermakna kekerapan penggunaan Bahan Bantu Mengajar masih lagi di tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan Bahan Bantu Mengajar adalah bergantung kepada jenis Bahan Bantu Mengajar. Hasil analisis menunjukkan bahawa Bahan Bantu Mengajar yang paling jarang digunakan ialah



perisian laman web yang dihubungkan Internet iaitu pada nilai  $M=2.52$ , manakala Bahan Bantu Mengajar yang paling kerap digunakan ialah Bahan Bukan Bercetak seperti Kad Abjad, Kad Suku Kata, Kad Perkataan, Frasa dan Ayat dengan nilai min  $M=4.30$ . Jadual 4.2 menjelaskan lagi kekerapan penggunaan BBM dalam pengajaran kemahiran asas membaca di Kelas Pemulihan Khas.

Jadual 4.2

*Peratus Kekerapan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Pengajaran Bacaan dalam Kelas Pemulihan Khas Tahun Tiga*

<b>Item</b>	<b>TP</b>	<b>J</b>	<b>KK</b>	<b>K</b>	<b>AP</b>	<b>N</b>	<b>M</b>	<b>SD</b>
C1: Bahan Pengamatan Penglihatan 1: Pelbagai bentuk haiwan, buah-buahan, alat-alat muzik.	3%	3%	39.4%	48.5%	6.1%	33	3.52	.795
C2: Bahan Pengamatan Penglihatan 2: Gambar benda hidup, benda bukan hidup, benda boleh dimakan, benda tidak boleh dimakan.	0	12.1%	24.2%	57.6%	6.1%	33	3.58	.792
C3: Bahan Bercetak: Surat khabar, majalah, risalah, dan lain-lain.	0	12.1%	39.4%	42.4%	6.1%	33	3.42	.792
C4: Bahan Bukan Bercetak: Kad Abjad, Kad Suku Kata, Kad Perkataan, Frasa dan Ayat.	0	0	3%	63.6%	33.3%	33	4.30	.529
C6: Bahan Tiga Dimensi: Model, haiwan, tumbuhan dan lain-lain.	3	18.2%	33.3%	36.4%	9.1%	33	3.30	.984

Item	TP	J	KK	K	AP	N	M	SD
C7: Bahan Tayangan: Filem bergerak, slaid, LCD projektor dan lain-lain.	0	18.2%	21.2%	45.5%	15.2%	33	3.58	.969
C8: Sistem Audio: Radio, pita audio, dan lain-lain.	0	9.1%	15.2%	27.3%	48.5%	33	3.15	1.004
C9: Sistem Video dan Televisyen: Pita video, program pendidikan, filem dan lain-lain.	0	3%	27.3%	24.2%	45.5%	33	3.12	.927
C10: Komputer: Komputer, CD, DVD, CDRI dan lain-lain.	0	6.1%	24.2%	60.6%	9.1%	33	3.73	.719
C11: Alat Muzik: <i>Keyboard</i> , lagu, melodi dan lain-lain.	0	42.4%	21.2%	33.3%	3%	33	2.97	.951
C12: Boneka: Boneka Sarung Tangan, Boneka Lidi, Boneka Wayang kulit dan lain-lain.	15.2%	39.4%	21.2%	21.2%	3%	33	2.58	1.091

Item	TP	J	KK	K	AP	N	M	SD
C13: Bahan Persembahan: <i>Power Point</i>	0	9.1%	21.2%	51.5%	18.2%	33	3.79	.857
C14: Perisian laman web yang dihubungkan (Internet)	21.2%	30.3%	24.2%	24.2%	0	33	2.52	1.093
<b>Jumlah</b>	<b>3.03%</b>	<b>14.71%</b>	<b>23.58%</b>	<b>42.63%</b>	<b>14.25%</b>	<b>33</b>	<b>3.40</b>	<b>0.87</b>

#### **4.4 Tahap Minat Pelajar Terhadap Penggunaan BBM dalam Pengajaran Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemulihan Khas**

Hasil analisis soal selidik yang berkaitan dengan tahap minat murid terhadap penggunaan Bahan Bantu Mengajar menunjukkan bahawa secara purata, 58.40% responden sangat setuju dengan semua item (B1-B15) yang mana berkaitan dengan minat murid terhadap penggunaan Bahan Bantu Mengajar. Seterusnya 38.97% responden setuju dengan item-item tersebut. Hanya sebilangan kecil sahaja daripada responden iaitu secara puratanya 2.63% menyatakan tidak pasti terhadap item-item yang diberikan. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan 97.37% responden pada dasarnya bersetuju bahawa penggunaan Bahan Bantu Mengajar dapat menarik minat murid pemulihan Tahun tiga dalam kemahiran asas membaca. Manakala, hasil analisis min minat murid menunjukkan bahawa min purata tahap setuju responden ialah 4.56 iaitu pada tahap antara sangat setuju dan setuju. Oleh itu, kita boleh membuat kesimpulan bahawa responden bersetuju bahawa penggunaan Bahan Bantu Mengajar dapat menarik minat murid pemulihan Tahun tiga dalam kemahiran asas membaca. Jadual 4.3 memperincikan lagi dapatan kajian yang berkaitan dengan minat pelajar.

Jadual 4.3

*Peratus Kekerapan Minat Murid terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar*

<b>Item</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>N</b>	<b>M</b>	<b>SD</b>
B1: Murid lebih seronok belajar dengan penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran berbanding kaedah tradisional	0	0	3%	33.3%	63.3%	33	4.61	.556
B2: Murid saya berminat dan mudah menyebut abjad a,b,c dengan penggunaan kad-kad imbasan berbanding kaedah hafalan.	0	0	3%	42.4%	54.5%	33	4.52	.566
B3: Murid saya berminat dan mudah menguasai kemahiran suku kata dengan penggunaan kad-kad imbasan.	0	0	0	42.4%	57.6%	33	4.58	.502
B4: Murid saya berminat membaca kad perkataan diikuti kad gambar.	0	0	0	33.3%	66.7%	33	4.67	.479
B5: Penyampaian menggunakan suara latar (rakaman) dalam pengajaran dapat meningkatkan minat murid menguasai kemahiran membaca.	0	0	0	36.4%	63.6%	33	4.64	.489

<b>Item</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>N</b>	<b>M</b>	<b>SD</b>
B6: Bahan Bantu Mengajar memudahkan saya mengawal kelas kerana murid berminat mengikuti pengajaran saya.	0	0	3%	24.2%	72.7%	33	4.70	.529
B7: Penggunaan perisian bacaan dengan laman web yang dihubungkan dapat meningkatkan minat murid untuk mempelajari kemahiran membaca dengan lebih bersungguh-sungguh.	0	0	3%	51.5%	45.5%	33	4.42	.561
B8: Penggunaan video dalam pengajaran kemahiran asas membaca dapat meningkatkan minat murid.	0	0	6.1%	42.4%	51.5%	33	4.45	.617
B9: Penggunaan carta dalam perisian tersebut telah meningkatkan minat murid menguasai kemahiran membaca.	0	0	3%	39.4%	57.6%	33	4.55	.564
B10: Penggunaan gambar berwarna telah menarik minat murid untuk belajar membaca.	0	0	0%	33.3%	66.7%	33	4.67	.479
B11: Saya dapat mencetuskan suasana belajar yang ceria dengan penggunaan Bahan Bantu Mengajar.	0	0	0%	39.4%	60.6%	33	4.61	.496

Item	STS	TS	TP	S	SS	N	M	SD
B12: Penggunaan bahan latih tubi dapat membantu menguatkan daya ingatan murid untuk menguasai kemahiran membaca.	0	0	0	33.3%	66.7%	33	4.67	.479
B13: Bahan pemulihan dengan persembahan Power Point memberi keseronokan kepada murid untuk belajar.	0	0	6.1%	27.3%	66.7%	33	4.61	.609
B14: Bahan pengajaran dengan menggunakan boneka memberi rangsangan kepada murid saya untuk belajar.	0	0	6.1%	54.5%	39.4%	33	4.33	.595
B15: Murid saya berminat untuk menguasai kemahiran membaca menerusi lagu.	0	0	6.1%	51.5%	42.4%	33	4.36	.603
<b>Jumlah</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2.63%</b>	<b>38.97%</b>	<b>58.40%</b>	<b>33</b>	<b>4.56</b>	<b>.542</b>



#### **4.5 Masalah Penggunaan BBM oleh Guru Pemulihan Khas dalam Menggunakan Bahan Bantu Mengajar**

Hasil analisis statistik min mendapati bahawa min tahap masalah yang dihadapi oleh guru pemulihan khas adalah  $M= 3.69$  dengan sisihan piawai sebanyak 0.925. Ini menunjukkan bahawa tahap masalah penggunaan BBM yang dihadapi oleh responden berada di tahap yang sederhana. Penyelidik mendapati bahawa masalah utama yang dihadapi oleh guru pemulihan khas ialah mereka memerlukan bantuan orang lain dalam menggunakan Bahan Bantu Mengajar yang mencatat kekerapan min sebanyak  $M=1.94$  dengan sisihan piawai sebanyak 0.827. Ini dapat dibuktikan dengan 90.9 % guru menyatakan bahawa mereka memerlukan bantuan orang lain semasa menggunakan BBM. Hasil analisis Min kekerapan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru pemulihan khas dalam menggunakan Bahan Bantu Mengajar juga menunjukkan bahawa Bahan Bantu Mengajar memerlukan perbelanjaan yang mahal yang mencatat kekerapan min sebanyak  $M=2.67$  dengan sisihan piawai sebanyak 1.021. Mengikut peratusan, 60.6% guru menyatakan bahawa Bahan Bantu Mengajar memerlukan perbelanjaan yang mahal.

Jadual 4.4

*Peratus Kekerapan Masalah Penggunaan Bahan Bantu Mengajar bagi Guru Pemulihan Khas*

<b>Item</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>N</b>	<b>M</b>	<b>SD</b>
D1: Saya mahir menggunakan Bahan Bantu Mengajar.	0	6.1%	21.2%	54.5%	18.2%	33	3.85	.795
D2: Bahan Bantu Mengajar yang digunakan tidak membebankan saya.	3%	30.3%	0	54.5%	12.1%	33	3.42	1.146
D3: Penggunaan Bahan Bantu Mengajar memberi faedah kepada saya.	0	3%	3%	57.6%	36.4%	33	4.27	.674
D4: Menyediakan Bahan Bantu Mengajar tidak memerlukan perbelanjaan yang mahal.	6.1%	54.5%	6.1%	33.3%	0	33	2.67	1.021
D5: Saya tidak memerlukan bantuan orang lain dalam menggunakan Bahan Bantu Mengajar.	24.2%	66.7%	3%	3%	3%	33	1.94	.827
D6: Saya berkongsi Bahan Bantu Mengajar dengan rakan-rakan guru yang lain.	0	18.2%	9.1%	63.6%	9.1%	33	3.64	.895
D7: Kuantiti Bahan Bantu Mengajar di kelas pemulihan adalah mencukupi di sekolah saya.	6.1%	30.3%	6.1%	48.5%	9.1%	33	3.24	1.173
D9: Saya tidak mengambil masa yang lama untuk menyediakan Bahan Bantu Mengajar.	0	24.2%	24.2%	0	51.5%	33	3.27	.839

<b>Item</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>	<b>N</b>	<b>M</b>	<b>SD</b>
D10: Bahan Bantu Mengajar yang disediakan di kelas pemulihan khas sekolah saya sentiasa dalam keadaan yang baik.	0	24.2%	6.1%	66.7%	3%	33	3.48	.906
D11: Saya tidak perlu mengeluarkan wang sendiri untuk menyediakan Bahan Bantu Mengajar.	0	0	6.1%	45.5%	48.5%	33	4.42	.614
D12: Saya tidak menghadapi masalah meminta peruntukan membeli Bahan Bantu Mengajar daripada pentadbir sekolah.	3%	27.3%	3%	48.5%	18.2%	33	3.52	1.176
D13: Pihak pentadbir sekolah patut menyokong penggunaan Bahan Bantu Mengajar.	0	3%	9.1%	15.2%	72.7%	33	4.58	.792
D14: Pihak pentadbiran memberi peruntukan memperbaiki Bahan Bantu Mengajar yang rosak.	3%	39.4%	15.2%	30.3%	12.1%	33	3.09	1.156
<b>Jumlah</b>	<b>3.46%</b>	<b>23.81%</b>	<b>10.83%</b>	<b>39.83%</b>	<b>22.07%</b>	<b>33</b>	<b>3.69</b>	<b>0.925</b>

#### 4.6 Hubungan antara Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dengan Minat murid pemulihan khas

H<sub>0</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar dengan minat murid pemulihan khas Tahun tiga dalam pengajaran asas kemahiran membaca di kelas pemulihan khas.

Jadual 4.5

*Keputusan Ujian Korelasi terhadap Hubungan antara Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dengan Minat Murid Pemulihan Khas*

	(1)	(2)
(1) Tahap Penggunaan BBM	1	.949(**)
(2) Minat Murid	.949(**)	1

Jadual 4.5 menunjukkan hasil analisis korelasi *Pearson* tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar dengan minat murid dalam pengajaran kemahiran asas membaca dalam kelas pemulihan khas. Tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar mempunyai hubungan positif yang signifikan ( $r = .949$ ,  $p < .01$ ) dengan minat murid dalam pengajaran kemahiran asas membaca dalam kelas pemulihan khas. Keputusan ini berjaya menolak hipotesis nol. Ini menunjukkan tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar yang tinggi akan meningkatkan minat murid dalam aktiviti pengajaran kemahiran asas membaca dalam kelas pemulihan khas. Kesimpulannya tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar menunjukkan hubungan yang sangat tinggi ( $r = .949$ ) dengan minat murid dalam aktiviti pengajaran kemahiran asas membaca dalam kelas pemulihan khas. Saiz korelasi diterjemahkan mengikut Hinkle, Wiersma dan Jurs dalam Arsaythamby dan Arumugam (2009) adalah seperti Jadual 4.6:

Jadual 4.6

*Saiz Korelasi Diterjemahkan Mengikut Hinkle, Wiersma dan Jurs (1998)*

Nilai Korelasi	Kekuatan Hubungan
0.90 hingga 1.00	Sangat Tinggi
0.70 hingga 0.90	Tinggi
0.50 hingga 0.70	Sederhana
0.30 hingga 0.50	Rendah
0.10 hingga 0.50	Lemah
0	Tiada Hubungan

#### 4.7 Kesimpulan

Taburan demografi responden menunjukkan bahawa responden yang terlibat adalah seramai 11 (33.3%) lelaki dan seramai 22 (66.7%) perempuan. Di samping itu, seramai 10 (30.3%) responden merupakan guru opsyen pemulihan khas manakala seramai 23 (69.7%) bukan merupakan guru opsyen pemulihan khas. Selain itu, seramai 12 (36.4%) responden pernah menghadiri kursus Bahan Bantu Mengajar manakala selebihnya tidak pernah menghadiri kursus penggunaan Bahan Bantu Mengajar. Latar belakang ikhtisas menunjukkan 21 (63.6%) responden memiliki Diploma Pendidikan Malaysia, 5 (15.2%) responden mempunyai Diploma Pendidikan Lulusan Ijazah, 4 (12.4%) Diploma Kursus Perguruan Lulusan Ijazah. Manakala 3 (9.1%) responden mempunyai Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Dari segi pengalaman mengajar responden, 18 (54.5%) daripada responden berpengalaman 3 hingga 6 tahun, 2 (6.1%) berpengalaman 7 hingga 10 tahun, 11 (33.3%) berpengalaman selama 11 hingga 14 tahun dan 2 (6.1%) mempunyai pengalaman lebih daripada 15 tahun.

Di samping itu, analisis deskriptif mencatatkan min tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar berada di tahap sederhana iaitu di antara tahap kadang kala dan kerap.

Hasil analisis minat menunjukkan kebanyakan murid amat bersetuju bahawa Bahan Bantu Mengajar dapat menarik minat murid. Namun, analisis statistik min tahap masalah responden adalah berada di tahap yang sederhana. Terdapat dua masalah utama yang dihadapi iaitu responden masih lagi memerlukan bantuan dalam menyediakan Bahan Bantu Mengajar dan kos penyediaan Bahan Bantu Mengajar yang mahal.

Manakala rumusan pernyataan hipotesis, kaedah analisis dan keputusan kajian dapat digambarkan dalam Jadual 4.7 di bawah:

Jadual 4.7

*Rumusan Pernyataan Hipotesis, Kaedah Ujian dan Keputusan Kajian*

Hipotesis	Pernyataan Hipotesis	Kaedah Ujian	Keputusan Kajian
H <sub>0</sub>	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan BBM dengan minat murid dalam aktiviti pengajaran kemahiran asas membaca dalam kelas pemulihan khas.	Korelasi <i>Pearson</i>	Ditolak

## **BAB V**

### **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

#### **5.1 Pendahuluan**

Terdapat beberapa bahagian yang akan dibincangkan dalam bab ini iaitu, ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi kajian dan cadangan-cadangan kajian lanjutan dan penutup. Dalam bahagian ringkasan kajian, perkara yang akan dibincangkan ialah tentang topik-topik ringkasan berkaitan pernyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian, kaedah kajian, sampel kajian, instrumen kajian serta kaedah pengumpulan dan analisis data. Dalam bahagian perbincangan dapatan kajian pula akan membincangkan apakah dapatan kajian ini menyokong kajian-kajian lepas serta jawapan untuk persoalan kajian ini juga akan dibincangkan. Implikasi dapatan kajian pula akan membincangkan kesan kajian ini kepada pihak-pihak yang berkenaan. Akhir sekali, dalam bahagian penutup, pengkaji akan membuat rumusan atau kesimpulan bagi keseluruhan kajian ini beserta dengan harapan penyelidik.

#### **5.2 Ringkasan Kajian**

Secara ringkasnya masalah yang diketengahkan dalam kajian ini ialah mengenai permasalahan penggunaan Bahan-Bantu Mengajar dalam pengajaran kemahiran asas membaca dalam kalangan murid-murid pemulihan khas khususnya di tahun tiga.

Pengkaji memilih tajuk kajian ini kerana berdasarkan laporan penyelidikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (1999), statistik menunjukkan bahawa antara 10-15% dalam kalangan murid-murid sekolah masih menghadapi masalah kegagalan menguasai 3M khususnya kemahiran asas pembacaan. Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia pula melalui pekelilingnya KP/JPK/BPKP/03/03/1 (43) (1998), telah mencadangkan agar semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara melaksanakan program intervensi 3M. Kesungguhan kementerian ini memperlihatkan kepada kita betapa masalah kegagalan menguasai kemahiran asas membaca dalam kalangan murid-murid sekolah rendah negara kita masih di tahap yang mendukacitakan.

Murid-murid pemulihan adalah golongan yang menjadi penyumbang kepada masalah ini. Pengajaran membaca melibatkan Kelas Tahun Tiga pula dipilih sebagai kajian kerana murid-murid ini telah mengikuti kelas pemulihan khas selama setahun di Tahun Dua. Tahun ini merupakan tahun terakhir mereka ini berada di kelas pemulihan khas. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, pengkaji akan cuba menilai sejauh mana penggunaan Bahan Bantu Mengajar memberi kesan terhadap minat murid-murid pemulihan khas dalam pengajaran kemahiran asas membaca. Kajian ini juga bertujuan meninjau kekerapan penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam kalangan guru-guru pemulihan khas dalam pengajaran kemahiran asas membaca. Seterusnya pengkaji ingin mengetahui masalah-masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru pemulihan khas dalam menyediakan bahan bantu mengajar untuk pengajaran kemahiran asas membaca murid-murid pemulihan khas tahun tiga.



Sampel kajian adalah terdiri daripada 33 orang guru pemulihan khas dari 33 buah sekolah rendah di Daerah Kota Marudu. Sampel akan dipilih dari 33 buah sekolah rendah yang mempunyai kelas pemulihan khas di Daerah Kota Marudu. Manakala bagi populasi bagi kajian rintis pula melibatkan 31 orang guru pemulihan khas di daerah yang berdekatan iaitu Daerah Pitas. Instrumen kajian yang digunakan ialah Soal Selidik mengenai Penggunaan Bahan Bantu Mengajar yang telah diubahsuai berdasarkan Inventori Penggunaan Bahan Bantu Mengajar telah dibina oleh Zainuddin Hassan (2007). Borang Soal Selidik ini terdiri dari dua bahagian. Bahagian A soal selidik latar belakang responden terdiri daripada 7 item, iaitu jantina, kursus, akademik, umur, pengkhususan, pengalaman mengajar di kelas pemulihan khas dan tempoh perkhidmatan dalam pendidikan. Bahagian B pula merupakan item-item untuk mengenal pasti penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam kalangan guru pemulihan khas.

Data-data yang telah diperolehi dari instrumen kajian telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan statistik korelasi. Statistik deskriptif ialah peratusan, min dan sisihan piawai digunakan bagi data-data yang dikumpul. Manakala statistik korelasi digunakan untuk menentukan hubungan antara pembolehubah dalam kajian ini. Data-data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 18.0*. Hasil kajian kemudiannya telah dipersembahkan dalam bentuk jadual berdasarkan format *American Psychological Association (APA)*.

### **5.3 Dapatan dan Perbincangan Kajian**

Perbincangan tentang dapatan kajian dibahagikan kepada tiga bahagian berdasarkan objektif dan persoalan kajian iaitu (i) Tahap Penggunaan BBM dalam Pengajaran Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemulihan Khas, (ii) Tahap Minat Pelajar Terhadap Penggunaan BBM dalam Pengajaran Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemulihan Khas (iii) Tahap masalah yang dihadapi oleh guru pemulihan khas dalam menyediakan Bahan Bantu Mengajar dalam pengajaran asas membaca.

#### **5.3.1 Tahap penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Pengajaran Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemulihan Khas**

Kajian ini mendapati bahawa hasil analisis kekerapan Bahan Bantu Mengajar digunakan oleh guru dalam pengajaran bacaan dalam kelas pemulihan khas Tahun Tiga pula menunjukkan bahawa secara purata 56.88% responden menyatakan kerap dan amat kerap menggunakan bahan bantu mengajar tetapi bergantung kepada jenis Bahan Bantu Mengajar. Namun min kekerapan penggunaan Bahan Bantu Mengajar ialah  $M=3.40$  iaitu pada tahap kekerapan 'kadang kala' dan 'kerap'. Dapatan kajian ini juga adalah bertepatan dengan hasil dapatan kajian oleh Zainuddin (2007), yang menyatakan tahap penggunaan BBM dalam kalangan guru pelatih UTM berada pada tahap yang tinggi. Hasil dapatan penyelidikan juga selaras dengan dapatan kajian oleh Abdul Malik Samsuri (2007), tentang penggunaan perisian multimedia dalam pengajaran sejarah berada pada tahap yang tinggi. Namun begitu, hasil dapatan penyelidikan menunjukkan guru-guru pemulihan khas amat jarang menggunakan internet dalam pengajaran. Hal ini demikian kerana mereka tiada kemahiran dalam

penggunaan ICT dalam pengajaran. Didapati terdapat juga guru pemulihan yang menggunakan ICT dalam pengajaran tetapi pada tahap kadang kala. Dapatan ini selaras dengan dapatan oleh Mohd. Aris Othman et al. (2004). Kajian beliau adalah melibatkan 70 orang guru pelatih KPLI. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam kalangan guru adalah pada tahap 'kadang kala'.

Walau bagaimanapun, hasil dapatan oleh penyelidik dapat menyangkal hasil dapatan kajian yang dijalankan oleh Yahya Othman dan Roselan Baki (2008), mengenai penggunaan komputer dalam pengajaran bahasa. Beliau mendapati bahawa penggunaan komputer dalam pengajaran bahasa amat rendah sebaliknya hasil dapatan penyelidik mendapati bahawa guru-guru pemulihan khas kerap menggunakan *Power Point* dalam pengajaran (51.5%).

Chin Han Wei (2007) turut menjalankan kajian mengenai kekerapan penggunaan Bahan Bantu Mengajar ke atas 2 orang guru pelatih, dapatan kajian beliau juga menyokong hasil kajian ini iaitu kedua-dua menunjukkan kadar penggunaan BBM berada pada tahap 'amat kerap'. Keadaan ini menunjukkan bahawa guru-guru sebenarnya kerap menggunakan Bahan Bantu Mengajar ketika menjalani latihan praktikum, tetapi penggunaan BBM akan berkurangan setelah menjadi guru terlatih. Namun hasil dapatan ini menyokong hujah ini kerana kekerapan penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam kalangan guru-guru terlatih (responden) dalam kajian ini berada pada tahap 'kadang kala' dan 'kerap'.

### **5.3.2 Tahap Minat Pelajar Terhadap Penggunaan BBM dalam Pengajaran Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemulihan Khas**

Dapatan kajian menunjukkan 97.37% responden bersetuju bahawa penggunaan Bahan Bantu Mengajar adalah berkesan untuk menarik minat murid pemulihan Tahun Tiga dalam kemahiran asas membaca. Disamping itu, hasil analisis min minat murid menunjukkan bahawa min purata tahap setuju responden ialah 4.56 iaitu pada tahap antara sangat setuju dan setuju. Ini menunjukkan responden bersetuju bahawa penggunaan Bahan Bantu Mengajar dapat menarik minat murid pemulihan Tahun tiga terhadap pengajaran kemahiran asas membaca. Ini selaras dengan dapatan kajian oleh Abdul Malik Samsuri (2007) menyatakan bahawa semakin kerap guru menggunakan BBM dalam pengajaran, semakin tinggi minat mereka terhadap pengajaran. Dapatan kajian ini dapat menguatkan lagi hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh Charlie Anak Ungang (2006) dalam kajiannya mengenai keberkesanan penggunaan BBM dalam kelas pemulihan khas juga mendapati bahawa purata min ( $M=4.20$ ) menunjukkan responden bersetuju bahawa penggunaan BBM menunjukkan minat yang tinggi terhadap pengajaran guru.

### **5.3.3 Masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru pemulihan khas Tahun Tiga dalam menyediakan Bahan Bantu Mengajar dalam pengajaran asas membaca**

Hasil analisis statistik min mendapati bahawa min tahap masalah yang dihadapi oleh guru pemulihan khas adalah  $M=3.69$  dengan sisihan piawai sebanyak 0.925.

Ini menunjukkan bahawa tahap masalah penggunaan BBM yang dihadapi oleh responden berada di tahap yang sederhana. Dapatan ini hampir bersamaan dengan dapatan Zainuddin Hassan (2007) yang menyatakan tahap masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam penggunaan BBM tidak membimbangkan. Dapatan kajian beliau menunjukkan 75.0% daripada guru tidak terbeban dengan penggunaan BBM sama ada bentuk elektronik ataupun bukan elektronik. Penyelidik mendapati bahawa masalah utama yang dihadapi oleh guru pemulihan khas ialah mereka memerlukan bantuan orang lain dalam menggunakan Bahan Bantu Mengajar yang mencatat kekerapan min sebanyak 1.94 dengan sisihan piawai sebanyak 0.827. Ini dapat dibuktikan dengan 90.9 % guru menyatakan bahawa mereka memerlukan bantuan orang lain semasa menggunakan BBM. Hasil analisis Min kekerapan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru pemulihan khas dalam menggunakan Bahan Bantu Mengajar juga menunjukkan bahawa Bahan Bantu Mengajar memerlukan perbelanjaan yang mahal yang mencatat kekerapan min sebanyak 2.67 dengan sisihan piawai sebanyak 1.021. Mengikut peratusan, 60.6% guru menyatakan bahawa Bahan Bantu Mengajar memerlukan perbelanjaan yang mahal. Oleh yang demikian, ia akan menyukarkan lagi guru pemulihan khas dari segi kewangan. Dalam kajian Robiah Kulup Ahmad (1988), ke atas tugas-tugas guru pemulihan khas di dua buah sekolah di Selangor juga mendapati bahawa antara tiga masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru yang mengajar kelas-kelas pemulihan khas ialah untuk mendapat bantuan kewangan atau dana untuk membeli dan membina bahan-bahan pembelajaran.

Oleh yang demikian dapatan jenis-jenis masalah utama yang dihadapi dalam kajian ini agak berlainan dengan kajian yang telah diterangkan dalam bab dua sebelum ini. Kajian terdahulu oleh Robiah Kulup Ahmad (1988), dalam kajiannya ke atas tugas-tugas guru pemulihan khas di dua buah sekolah di Selangor juga mendapati bahawa antara masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru yang mengajar kelas-kelas pemulihan khas ialah untuk mendapatkan sebuah bilik yang sesuai bagi kelas pemulihan khas. Manakala hasil kajian Charlie Anak Ungang (2006) menunjukkan bahawa masalah utama (60%) yang dihadapi oleh responden ialah bahawa Bahan Bantu Mengajar di sekolah tidak lengkap. Nilai kekerapan min 4.4 iaitu satu nilai yang dianggap tinggi, menggambarkan bahawa pendapat responden yang menyatakan kelengkapan Bahan Bantu Mengajar di sekolah adalah dalam unit yang terhad.

Di samping itu, hasil dapatan kajian Mahat Ibrahim (1988) menunjukkan bahawa masalah utama yang dihadapi oleh guru semasa menggunakan media dalam pengajaran ialah mereka tidak mahir. Hal ini demikian kerana mereka tidak mendapat latihan asas yang mencukupi dan beban tugas juga merupakan satu masalah yang mereka hadapi dalam menggunakan media. Dapatan ini berbeza dengan dapatan kajian ini di mana hanya 6.1% responden yang menyatakan mereka mempunyai masalah dari segi kemahiran menggunakan Bahan Bantu Mengajar. Pada pendapat pengkaji, hasil dapatan ini bercanggah kerana pada dekad ini telah ramai guru yang berkemahiran serta mempunyai latihan yang cukup dalam pengendalian bahan-bahan bantu mengajar seperti komputer berbanding ketika kajian oleh Mahat Ibrahim pada tahun 1988. Di samping itu telah banyak bahan bantu mengajar dan kelas pemulihan

yang kondusif telah diperuntukkan pada setiap sekolah di Negara ini tanpa mengira sama ada sekolah tersebut berada bandar ataupun luar bandar.

#### **5.3.4 Hubungan antara penggunaan bahan bantu mengajar dengan minat murid pemulihan khas Tahun Tiga dalam pengajaran asas kemahiran membaca dalam kelas pemulihan khas**

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kekerapan penggunaan BBM dan minat murid iaitu dengan nilai  $r = 0.949$ ,  $p < 0.05$  yang menunjukkan hubungan positif yang sangat kuat. Ini menunjukkan kekerapan penggunaan BBM mempengaruhi minat murid Tahun Tiga dalam pengajaran asas kemahiran membaca dalam kelas pemulihan khas. Hasil dapatan ini sependapat dengan Mahzan Arshad (2008) yang menyatakan penggunaan bahan bantu mengajar adalah berkesan, menarik perhatian, menjimatkan masa dan tenaga serta menghasilkan pembelajaran yang lebih menarik dan menyeronokkan untuk murid-murid. Menurutnya lagi, Penggunaannya secara berkesan dan berterusan sememangnya mendatangkan faedah kepada guru dan murid pendidikan pemulihan. Justeru itu seseorang guru yang proaktif ialah guru yang sentiasa berusaha mempertingkatkan prestasi murid-muridnya mempelajari sesuatu kemahiran bacaan dengan berkesan dengan menitik beratkan penggunaan Mengajar sebagai landasan utama bagi mencapai hasrat untuk membolehkan murid-murid mampu menguasai kemahiran asas bacaan. Dapatan oleh penyelidik juga selaras dengan dapatan oleh Zainuddin Hassan (2007), semakin kerap guru menggunakan BBM dalam pengajaran semakin tinggi minat murid terhadap pengajaran. Hasil dapatan kajian beliau disokong pula oleh

Norma Hassan (2004). Beliau juga bersetuju bahawa terdapat perkaitan hubungan antara penggunaan BBM dengan minat murid dalam proses pengajaran pembelajaran Matemaik. Secara keseluruhannya, didapati skor min yang diperolehi bagi setiap item dalam instrumen yang digunakan adalah tinggi ( $M=3.01$  hingga  $M=4.00$ ). Ini menunjukkan bahawa kekerapan guru menggunakan BBM semasa pengajaran mempengaruhi minat murid terhadap pengajaran tersebut.

Seterusnya, Abd. Aziz Kulop Saad dan Azlinda Ahmad (2000) dalam kajian mereka menyatakan bahawa penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM), seperti bahan pengajaran multimedia dapat menggalakkan murid terlibat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan.

#### **5.4 Kesimpulan Dapatan Kajian**

Berdasarkan hasil dapatan kajian, pengkaji telah membuat kesimpulan kajian seperti yang berikut:

- a) Sejumlah 56.88% responden menggunakan bahan bantu mengajar dalam kadar yang kerap atau amat kerap. Hasil analisis Min kekerapan Bahan Bantu Mengajar digunakan oleh guru dalam pengajaran bacaan dalam kelas pemulihan khas Tahun Tiga menunjukkan nilai min purata  $M=3.40$  iaitu pada tahap kekerapan kadang kala dan kerap. Ini menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan Bahan Bantu Mengajar adalah bergantung kepada jenis Bahan Bantu Mengajar. Hasil analisis menunjukkan bahawa Bahan Bantu Mengajar



yang paling jarang digunakan ialah perisian laman web yang dihubungkan internet iaitu pada nilai  $M=2.52$ , manakala bahan bantu mengajar yang paling kerap digunakan ialah Bahan Bukan Bercetak seperti Kad Abjad, Kad Suku Kata, Kad Perkataan, Frasa dan Ayat dengan nilai min 4.30.

- b) Secara keseluruhan 97.37% responden pada dasarnya bersetuju bahawa penggunaan Bahan Bantu Mengajar dapat menarik minat murid pemulihan Tahun Tiga dalam kemahiran asas membaca. Manakala hasil analisis min minat murid juga menunjukkan bahawa min purata tahap setuju responden ialah 4.56 iaitu pada tahap antara sangat setuju dan setuju. Ini menunjukkan tahap minat murid yang tinggi. Oleh itu, kita boleh kita boleh membuat kesimpulan bahawa responden bersetuju bahawa penggunaan Bahan Bantu Mengajar dapat menarik minat murid pemulihan Tahun Tiga dalam kemahiran asas membaca.
- c) Hasil analisis statistik min mendapati bahawa min tahap masalah yang dihadapi oleh guru pemulihan khas adalah 3.69 dengan sisihan piawai sebanyak 0.925. Ini menunjukkan bahawa tahap masalah penggunaan BBM yang dihadapi oleh responden berada di tahap yang sederhana. Dari segi urutan masalah, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa dua masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru dalam menyediakan bahan bantu mengajar kelas pemulihan. Pertama, guru pemulihan khas memerlukan bantuan orang lain dalam menggunakan Bahan Bantu Mengajar.

Ini dapat dibuktikan dengan 90.9 % guru menyatakan bahawa mereka memerlukan bantuan orang lain semasa menggunakan BBM. Kedua, Bahan Bantu Mengajar memerlukan perbelanjaan yang mahal. Masalah tersebut mencatat skor min sebanyak  $M = 2.67$  dengan sisihan piawai sebanyak 1.021.

- d) Hasil kajian mendapati bahawa terdapat korelasi atau hubungan yang signifikan antara kekerapan penggunaan BBM dan minat murid iaitu dengan nilai  $r = 0.949$ ,  $p < 0.05$  yang menunjukkan hubungan positif yang sangat kuat. Ini menunjukkan kekerapan penggunaan BBM mempengaruhi minat murid Tahun Tiga dalam pengajaran asas kemahiran membaca dalam kelas pemulihan khas.

## **5.5 Implikasi Dapatan Kajian**

### **5.4.1 Implikasi Kepada Pendidik**

Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan Bahan Bantu Mengajar boleh meningkatkan minat pelajar pemulihan khas dalam kemahiran asas membaca tahun tiga. Justeru itu guru-guru pemulihan khas perlu mengambil inisiatif daripada hasil kajian ini sebagai salah satu cara untuk meningkatkan pencapaian dan minat pelajar pemulihan khas dalam kemahiran asas membaca.

#### **5.4.2 Implikasi Kepada Pelajar**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan Bahan Bantu Mengajar boleh meningkatkan minat pelajar. Ini bermakna bahawa pelajar yang diberikan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dengan penggunaan Bahan Bantu Mengajar yang sesuai akan lebih bermotivasi untuk meningkatkan prestasinya. Oleh itu, guru-guru harus memberikan perhatian dan meningkatkan penggunaan Bahan Bantu Mengajar agar dapat meningkatkan pemahaman dan juga minat pelajar.

#### **5.4.3 Implikasi kepada Penggubal Kurikulum**

Hasil kajian ini boleh menjadi dasar atau asas kepada penggubal kurikulum dalam memilih atau memberi cadangan tentang kaedah dan strategi pengajaran serta penggunaan Bahan Bantu Mengajar yang optimum dan efektif, terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran pemulihan khas kemahiran membaca. Ini kerana berdasarkan dapatan kajian ini, penggunaan Bahan Bantu Mengajar berjaya meningkatkan minat pelajar.

#### **5.6 Cadangan Kajian Lanjutan**

Hasil kajian ini sedikit sebanyak mendedahkan tentang masalah-masalah yang sudah agak lama menghantui guru-guru pemulihan khas khususnya berkaitan penggunaan Bahan Bantu mengajar bagi pengajaran pembelajaran pelajar pemulihan khas. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian ini dapat diperluaskan kepada golongan murid pendidikan dan berkeperluan khas. Ini adalah kerana penyelidik beranggapan bahawa murid yang berpendidikan dan berkeperluan khas amat memerlukan pembelajaran

yang berasaskan bahan bantu mengajar. Malahan bahan bantu mengajar yang khusus boleh dikaji bagi memenuhi keperluan golongan tersebut,

Di samping itu, kajian kualitatif boleh dilaksanakan oleh penyelidik bagi mengetahui faktor yang mendorong kepada permasalahan guru semasa menggunakan Bahan Bantu Mengajar. Adalah diharapkan dengan adanya kajian ini dapat membuka laluan baru kepada kajian lain yang berkaitan seterusnya mendatangkan faedah yang amat besar kepada pendidik, khususnya, dan pendidikan amnya.

## **5.7 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya kajian ini telah berhasil membuktikan dan menjawab persoalan utama kajian ini iaitu mengkaji hubungan penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam mengajar kemahiran asas membaca untuk murid pemulihan khas tahun tiga. Maka berdasarkan hasil dapatan kajian ini, pengkaji berharap agar hasil dapatan ini dapat memberi sedikit panduan serta membantu guru-guru pemulihan khas untuk mengatasi masalah minat yang rendah dalam kalangan murid pemulihan khas. Diharapkan juga hasil kajian ini boleh menjadi sumber inspirasi kepada guru-guru yang berminat pada masa akan datang untuk menjalankan kajian serupa bagi mata pelajaran yang lain pula.

## RUJUKAN

- Atan Long (1981). *Kaedah am mengajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Atan Long. (1986). *Pedadogi kaedah am mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azman Wan Chik. (1986). *Mengajar Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alias Baba. (1999). *Statistik untuk penyelidikan pendidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd. Aziz Kulop Saad & Azlinda Ahamad. (2000). *Keberkesanan penggunaan bahan pengajaran multimedia interaktif (BPMI) dalam pengajaran*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Aspalaila Ramli & Maslinda Mahmud. (2006). *Meningkatkan kemahiran murid membaca ayat-ayat yang mengandungi perkataan gabungan dua suku kata terbuka dan tertutup kv + kv*.  
Daripada <http://www.scribd.com/doc/46211176/baca>.
- Abd.Malik Samsuri. (2007). *Penilaian perisian multimedia sejarah berasaskan pendekatan penceritaan digital dan kesannya terhadap pelajar*. Daripada [www.eprints.utm.my/7904/edupress\(f2\)](http://www.eprints.utm.my/7904/edupress(f2)).
- Azizi Yahya et al. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Sdn.Bhd.
- Abu Bakar Yusuf et al.(2007). *Pengajaran penulisan*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Arsaythamby Veloo & Arumugam Raman. (2009). *Panduan menganalisis data dan menginterpretasi*. Sintok : Universiti Utara Malaysia.

- Crow dan Crow. (1983). *Psikologi pendidikan untuk perguruan: (Terjemahan Habibah Elias)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chin Han Wei. (2006). *Penggunaan alat bantu mengajar di kalangan guru pelatih Institut Perguruan Batu Lintang Sarawak*.  
Daripada <http://www.scribd.com/doc/22717710/tesis-penggunaan-alat-bantu-mengajar-di-kalangan-guru-pelatih>
- Charlie Anak Ungang. (2008). *Penggunaan bahan bantu mengajar dalam kemahiran asas membaca di kelas pemulihan: Kajian kes di lima buah sekolah daerah Serian*. Daripada <http://www.scribd.com/doc/37730379/Penggunaan-Bahan-Bantu-Mengajar-Dalam-Kemahiran-Asas-Membaca>
- Dale R. Edwards. (1969). *Audio visuals methods in teaching*. New York, USA: Holt
- Henry Guntur Tarigan. (1994). *Membaca sebagai satu keterampilan berbahasa*. Indonesia: Penerbit ANGKASA Bandung.
- Hanapiah Sudin. (1979). *Kaedah, teknik dan strategi pembelajaran lisan di sekolah menengah kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamil Ahmad. (1993). *Tinjauan tentang kekangan-kekangan dalam pelaksanaan Sains KBSM di sekolah-sekolah menengah di negeri Kedah Darul Aman*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairiah Ahmad. (1980). *Penggunaan alatan mengajar dalam pengajaran Bahasa Malaysia. Kertas kerja khusus dan bengkel teknik pengajaran Bahasa Malaysia*. Universiti Malaya.
- Koh Boh Boon. (1982). *Asas-asas dalam amalan pepadogi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Koh Boh Boon. (1982). *Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru pemulihan khas*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

- Kamarudin Haji. Husin. (1986). *Penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan pelajar bukan Melayu di Maktab Perguruan di Kuala Lumpur*. Tesis Master Sains. Fakulti Pengajian Pendidikan. Universiti Pertanian Malaysia.
- Kamarudin Hj. Husin. (1991). *KBSR dan model eksplotasi bahan bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarudin Hj. Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. (1997). *Pengajian Melayu 2. ketrampilan bahasa*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1992). *Asas perkaedahan mengajar bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1998). *Pekeliling KP/JPK/BPK PK/03/03/1 (43) Jabatan Pendidikan Khas*. Damansara. Kuala Lumpur.
- Kuan Ngui Sang. ( 1981) . Penggunaan alat pandang dengar dalam pengajaran. *Suara Pendidik* Vol. 7 No.4.
- Mat Nor Hussin & Abdul Rahman Abdul Rashid. (1988). *Alat bantu mengajar dalam pengajaran bahasa*. Petaling Jaya: Logman Sdn. Bhd.
- Mat Nor Hussin & Jais Sahok. (1990). *Pendidikan pemulihan*. Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Masa Enterprise.
- Marzukhi Nyak Abdullah. (1994). *Kaedah pengajaran Bahasa Melayu dan Kurikulum*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mahat bin Ibrahim. (1997). *Penggunaan ABM dalam pengajaran Matematik di kalangan guru-guru Sekolah Rendah daerah Batu Pahat. Satu kajian*.Tesis Sarjana Muda UTM.
- Mahat bin Ibrahim. (1998). Penggunaan media dalam pengajaran Matematik di kalangan guru-guru sekolah rendah Daerah Batu Pahat Johor. *Cerana Jurnal Pendidikan*, ms 17-20.

- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Konting. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang. (2000). *Pedagogi 2: pelaksanaan pengajaran*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mohd. Salleh Abu & Zaidatul Tasir. (2001). *Pengenalan kepada analisis data berkomputer SPSS 10.0 for windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Mahzan Arshad. (2003). Penggunaan kamera video bagi meningkat kemahiran berkomunikasi dalam pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan*, 23, 113-122.
- Mahzan Arshad. (2003). *Pendidikan literasi Bahasa Melayu strategi perancangan dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mohd. Aris bin Othman. (2004). *Tahap penggunaan alat bantu mengajar di kalangan guru pelatih KPLI (M) Maktab Perguruan Raja Melewar*. Tesis Sarjana Muda Pendidikan. Negeri Sembilan: Maktab Perguruan Raja Melewar Seremban.
- Murid-murid tingkatan satu tak boleh membaca. (2006, Oktober 8). *Utusan Malaysia*.
- Noraziah Abd.Hamid. (1981). *Alatan mengajar dalam pengajaran bahasa*. Kertas Kerja Seminar Perguruan pada 28-30 Disember 1981 di Universiti Malaya.
- Norma Hassan. (2004). *Hubungan antara penggunaan BBM dengan minat pelajar Tahun Lima di Sekolah Kebangsaan Kem. Pengkalan Chepa, Kelantan*. [minat%2520pljr.pdf%3Fkey%3Ddehewaraspak:journal:27%26nmid%3D58573975+Hubungan+Antara+Tahap+Penggunaan+BBM+dengan+Minat+Pelajar&hl=en&gl=my&pid=bl&srcid=ADGEESj\\_nNbM](#)



- Nordin Mamat. (2005). *Asas sosial kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn.Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian sukatan pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Robiah, K.H. (1980). *Fungsi dan masalah guru pemulihan khas di dua buah sekolah rendah di Selangor*. Tesis kedoktoran. Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Rohani Rustam & Jamiah A. Bakar. (1995). *Bacalah sayang!: Panduan untuk ibu bapa ke arah pembacaan awal*. Selangor: Times Editions Pte.Ltd.
- Shukri Zain. (2007). *Pengantar pemikiran*. Tanjong Malim: Quantum Books.
- Slameto. (1995). *Belajar dan faktor-faktor yang mempengaruhinya*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Yahya Othman. (2007). *Bahan bantu mengajar memperkukuh Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya Othman & Roselan Baki. (2008). *Aplikasi Komputer dalam pengajaran bahasa: Penguasaan guru dan kekangan dalam pelaksanaan*. Daripada <http://eprints.utm.my/5968/1/08-yahya.pdf>.
- Zainuddin Hassan .(2007). *Tahap penggunaan alat bantu mengajar di kalangan guru pelatih*. Daripada <http://www.ipbl.edu.my/bm/pendidikan/seminarpaper/2007>.